

344



LAPORAN  
PANEL ANUGERAH SASTERA NEGARA  
1987

لجنة انعامات الادب  
1987



dok.

LAPORAN  
PANEL ANUGERAH SASTERA NEGARA  
1987





LAPORAN  
PANEL ANUGERAH SASTERA NEGARA  
1987

Dewan Bahasa dan Pustaka  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Kuala Lumpur  
1988



**KK. 898 — 3739 5101**  
**ISBN 983-62-0340-0**

**Cetakan Pertama 1988**  
**© Hakcipta Panel Anugerah Sastera Negara**

**Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian/artikel/ilustrasi/isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa juga pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.**

**Diaturhurf oleh Pantas Set Sdn. Bhd.**  
**Muka Taip Teks: New Times Roman**  
**Saiz Taip Teks: 10/12 poin**

**Dicetak oleh**  
**Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka**  
**Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS**  
**Ampang/Hulu Kelang,**  
**Selangor Darul Ehsan**



# KANDUNGAN

<b>Prakata</b>	vii
<b>Anggota Panel Anugerah Sastera Negara</b>	ix
<b>Laporan Panel Anugerah Sastera Negara</b>	xi
Pengenalan	3
Cerpen	6
Novel	15
Esei	26
Penutup	33
<b>Lampiran</b>	
Biodata Arena Wati	37
Senarai Karya Arena Wati	41
Tulisan-tulisan tentang Arena Wati	48







## PRAKATA

BUKU laporan ini merupakan sebuah penerbitan tentang sumbangan penerima Anugerah Sastera Negara dalam bidang sastera tanahair. Dalam tahun 1981 telah diterbitkan buku laporan seumpama ini tentang Keris Mas, tahun 1982 tentang Shahnnon Ahmad, tahun 1983 tentang Usman Awang dan tahun 1985 tentang A. Samad Said.

Pengumuman pencalonan untuk Anugerah Sastera Negara 1987 telah dibuat melalui media massa dan iklan-iklan pada 23 Mac 1987. Sehingga tarikh tutup pencalonan pada 31 Ogos 1987, Uruse-tia telah menerima dua belas pencalonan yang mengemukakan enam orang penulis tanahair.

Kertas-kertas pencalonan telah memenuhi “syarat mengemukakan calon”, iaitu (1) Pencalon hendaklah mengemukakan satu nama sahaja, (2) Pencalon hendaklah mengemukakan hujah secara bertulis berdasarkan: penilaian mengenai karya sastera calon tersebut; penilaian tentang sumbangan fikiran calon tersebut yang berkaitan dengan dunia sastera; dan penilaian yang saksama tentang kegiatan calon tersebut yang mendorong ke arah pembinaan dan pengembangan sastera kebangsaan — jika ada.

Syarat-syarat di atas merupakan dasar yang menjadi perhatian utama ahli-ahli Panel ketika mengadakan perbincangan bagi menentukan penulis yang layak, yang akan menerima Anugerah ini. Setelah mengadakan perbincangan beberapa kali, dan beberapa kali pula saling bertukar-tukar fikiran secara mendalam dan ber-sungguh-sungguh, Panel akhirnya memilih sasterawan Arena Wati sebagai penerima Anugerah Sastera Negara 1987. Pengerusi Panel ini, Y.B. Encik Anwar Ibrahim telah memaklumkan kajayaan Arena Wati kepada orang ramai melalui satu persidangan akhbar



dan televisyen pada 7 April 1988.

Penghargaan dan penghormatan negara yang diberikan kepada Arena Wati adalah:

- i. warkah penghormatan negara;
- ii. wang tunai sebanyak M\$30,000;
- iii. kemudahan dan keselesaan untuk kegiatan mencipta;
- iv. kemudahan untuk penerbitan karya;
- v. kemudahan perubatan percuma dalam wad kelas satu di mana-mana hospital Kerajaan;
- vi. penerbitan karya penerima Anugerah tidak kurang daripada 50,000 naskhah untuk dibeli oleh Kerajaan dan disebarkan dengan luasnya ke sekolah-sekolah, perpustakaan-perpustakaan, jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan;
- vii. kemudahan untuk dipertimbangkan menjadi Penulis Tamu di Dewan Bahasa dan Pustaka;
- viii. terjemahan karya yang sesuai ke bahasa asing.

Dengan ini Urusetia mempersembahkan laporan lengkap kajian dan penelitian terhadap sumbangan Arena Wati yang disediakan oleh Panel Anugerah Sastera Negara.

— Urusetia



## **ANGGOTA PANEL ANUGERAH SASTERA NEGARA**

1. Y.B. Encik Anwar Ibrahim (Pengerusi)
2. Y. Bhg. Datuk Haji Hassan Ahmad (Timbalan Pengerusi)
3. Encik Baharuddin Zainal
4. Dr. Cheah Boon Kheng (sehingga 4.1.1988)
5. Y. Bhg. Datuk Prof. Ismail Hussein
6. Tuan Haji Kamaludin Muhammad
7. Encik Krishen Jit
8. Prof. Dr. Mohd. Taib Osman
9. Prof. Dr. Muhammad Haji Salleh
10. Encik Omar Mohd. Hashim
11. Y. Bhg. Datuk Prof. Haji Shanon Ahmad
12. Encik Anwar Ridhwan (Setiausaha)





# **LAPORAN PANEL ANUGERAH SASTERA NEGARA 1987**

Disediakan oleh

Y. Bhg. Datuk Haji Hassan Ahmad

Encik Baharuddin Zainal

Y. Bhg. Datuk Prof. Ismail Hussein

Tuan Haji Kamaludin Muhammad

Encik Krishen Jit

Prof. Dr. Mohd. Taib Osman

Prof. Dr. Muhammad Haji Salleh

Tuan Haji Omar Mohd. Hashim

Y. Bhg. Datuk Prof. Haji Shahnnon Ahmad

Encik Anwar Ridhwan





*LAPORAN*  
*PANEL ANUGERAH SASTERA NEGARA*





*Arena Wati*





## PENGENALAN

Zaman remaja dan muda Arena Wati dimatangkan dengan pengalaman dunia laut, dari pangkalan di tanah kelahirannya Makasar, sehinggalah ke pulau Singapura, tempat beliau mula menapak ke alam sastera Melayu.

Kesusasteraan Melayu moden mula menerima sumbangan Arena Wati dalam tahun 1950-an, tahun-tahun penuh kesulitan akibat Perang Dunia II yang baru berakhir dan kemerdekaan negara yang masih diperjuangkan.

Sungguhpun Arena Wati tidak berpeluang mendalami ilmu pengetahuan secara formal, beliau memanfaatkan bakat alam seorang manusia Melayu pulau dan pesisir terhadap kehidupan dan pengetahuan, yang kemudian terpancar melalui penulisan kreatif dan non-kreatifnya. Dalam hubungan ini, manusia Melayu pulau dan pesisir ini menjadi pemerhati kehidupan pelaut, iaitu tema yang biasanya dapat diangkat oleh Arena Wati menjadi karya kreatif yang mempesonakan. Dalam karya-karyanya juga sering ditemui latar sebuah peta kebudayaan Melayu yang luas, malah jiwa dan semangat manusia Melayu yang sanggup menerobos ke dunia antarabangsa.

Akan tetapi bakat alam yang dimiliki oleh Arena Wati hanya menjadikannya seorang tukang cerita untuk beberapa lama, terutamanya dalam tahun-tahun 1950-an dan 1960-an. Seorang tukang cerita tidak didorong untuk memberi keutamaan kepada estitika, keindahan dan penjalinan plot yang organis. Akibatnya, seperti yang terdapat dalam beberapa karya Arena Wati, kita menemui banyak selingan, interpolasi yang tidak perlu, serta maklumat-maklumat yang cuba menggambarkan bahawa beliau serba mengetahui dalam bidang yang disentuhnya. Bagaimanapun, jika beliau



membicarakan manusia dan kehidupan dunia laut, bakat luar biasanya ini hampir menenggelami tema-tema lain penulisannya.

Sehingga kini Arena Wati lebih dikenali sebagai seorang penulis cerita pendek dan penulis novel. Akan tetapi sepanjang tiga puluh tahun yang lalu beliau juga menghasilkan puisi, rencana-rencana bahasa, kebudayaan, sastera, politik, kemasyarakatan, sejarah, agama, tokoh-tokoh penting dan ekonomi. Beliau juga telah menerbitkan 10 buku umum dalam bidang bahasa, sastera dan kebudayaan. Sama seperti pengarang yang sezaman dengannya, beliau berminat dalam berbagai-bagai lapangan dan menulis dalam bentuk jurnalistik untuk bacaan umum. Rencana-rencana dan buku-buku umumnya tidaklah begitu ilmiah. Ini menggambarkan bahawa dunianya yang asasi dan yang penting adalah dunianya yang kreatif, terutamanya penulisan cerpen dan novel.

Akhirnya, manusia yang pada mulanya hanya memiliki bakat alam ini, tetapi terus belajar dengan alam luas, berpegang pada tata peraturan peribadi yang tegas dan didorong pula oleh tenaga dalaman dan luaran yang agak luar biasa, Arena Wati mula hadir dalam kesusasteraan Melayu dengan lebih meyakinkan. Tahun-tahun 1970-an dan 1980-an menyaksikan sumbangan karya-karya kreatifnya yang bukan lagi diluahkan oleh seorang tukang cerita, tetapi sebagai seorang seniman yang kuat.

Kekuatannya sebagai seniman dapat dilihat dari beberapa sudut. Beliau bukan sahaja gigih berkarya, malah begitu gigih mengangkat darjat manusia melalui karya-karyanya. Beliau juga satu-satunya pengarang Melayu sehingga kini yang amat berpengalaman sebagai pelaut, dan sangat berbakat pula memerikan dunia laut dan gejolak manusianya secara mendalam lagi serba mengetahui. Dan seperti pelayar yang melihat laut luas, Arena Wati turut memperluaskan horison penulisannya dengan membawa watak dan keperibadian manusia Melayu, manusia Timur, ke suasana antarabangsa, terutamanya melalui triloginya yang baru terbit.

Meneliti sumbangan Arena Wati yang penting selama ini, kita dapat mentafsirkan idealisme beliau tentang nilai-nilai kebudayaan dan peradaban Timur yang lebih bererti untuk manusia di dunia ini. "Barat sudah tua dan buruk, sekarang Timurlah yang ideal untuk dunia ..." Ungkapan ini bernada falsafah, dan falsafah memang menjadi panduan hidup Arena Wati apabila dalam majlis S.E.A. Write Award di Bangkok, iaitu satu pengiktirafan antarabangsa untuk sumbangannya, beliau menjelaskan pendapatnya ba-



hawa ilmu itu jalan kepada pengetahuan dan kemahiran; agama itu jalan mendapatkan keyakinan; dan falsafah adalah alat menemukan kebenaran.

Arena Wati juga percaya bahawa sastera boleh dijadikan alat untuk sampai kepada falsafah, sebagai jalan yang termudah. Apabila akhir-akhir ini terbit karya-karyanya yang lebih serius, mendalam dan mempunyai latar alam yang melebar dari Timur ke Barat, kita tidak dapat menghindarkan diri daripada membaca karya-karya tersebut dalam rangka kecenderungannya berfalsafah, terutamanya untuk mengajak kita menuju puncak sastera, yang menurut Arena Wati, adalah tempat “ketenangan dan kebenaran”.

Demikianlah munculnya Arena Wati dalam kesusasteraan Melayu moden. Pada mulanya beliau menapak sebagai seorang tukang cerita. Akhirnya beliau berakar dan menjadi kukuh dalam kesusasteraan moden bangsa kita sebagai seorang pengarang dan seniman yang kuat. Bakat kreatifnya mengalirkan dan melahirkan beberapa cerpen yang amat bermutu, terutamanya tentang dunia laut, dan novel-novel terkenal seperti *Gelora*, *Lingkaran*, *Sandera* dan *Sakura Mengorak Kelopak*. Semuanya itu tidak dicapai dengan jalan dan cara yang mudah. Beliau telah memberikan sumbangan yang bererti dan berterusan selama kira-kira tiga puluh tahun.



## CERPEN

Arena Wati tergolong dalam kumpulan penulis era lima puluhan, dalam erti bahawa sebagai penulis beliau tumbuh membesar dalam pergolakan nasionalisme anti penjajahan. Dan seperti penulis yang lain dalam golongan ini, beliau adalah gudang pengalaman pahit dari peperangan dan penindasan zaman Jepun. Maka seperti penulis waktu itu, beliau juga pada mulanya meluahkan seni bertendens yang mengutamakan cita-cita dan tujuan lebih daripada estetika dan keindahan.

Sehingga berakhirnya dekad lima puluhan Arena Wati belum memperlihatkan apa-apa yang menjanjikan sesuatu kemajuan atau pembaharuan terhadap bentuk dan isi cerpen yang sedang melalui pembaharuan oleh beberapa penulis muda dewasa itu. Idealisme romantik ASAS 50 yang menjadi gagasan utama para penulis adalah juga gagasan Arena Wati.

Pada tahap awal itu cerpen Arena Wati banyak terbit dalam majalah *Hiburan*. Akan tetapi cerpen-cerpen dalam *Tingkah Manusia* yang terbit awal tahun 1960 tidak pernah tersiar di mana-mana sebelumnya. Cerpen-cerpen itu membayangkan bermulanya pengembaraan Arena Wati lebih jauh ke dalam kompleksiti kehidupan manusia walaupun idealisme ASAS 50 masih tebal.

Cerpen "Sinarja Paper" yang mengisahkan hubungan seorang penjual akhbar dengan seorang pelanggan, adalah cerita tentang manusia biasa yang di luar gagasan idealisme kemasyarakatan atau nasionalisme. Sayang, penutup cerpen ini menyimpang dari jalan ceritanya yang awal kerana dengan tidak mempunyai sebab yang sesuai ia beralih kepada persoalan lain. Ada unsur humor-tak-menjadi yang semacam ejekan terhadap peristiwa Sinarja Paper mempunyai anak lima orang di negerinya, India, sedangkan dia



tidak pernah pulang selama 15 tahun. Penutupan cerita seperti ini seolah-olah diada-adakan untuk suatu kejutan (*surprise*), tetapi gagal.

Kelemahan seperti ini ternyata kemudian sebagai kecenderungan beliau yang berlanjut untuk mencipta teknik mengejutkan, tetapi *surprise ending*nya sering mengganggu atau mencatatkan sesebuah cerpen yang bermula dan bergerak dengan baik dan indah. Akhir cerita yang mengejutkan itu merupakan anti-klimaks yang menghampakan dari segi teknik.

Bagaimanapun, beberapa cerpen awalnya dalam *Tingkah Manusia*, dapat dikatakan mulanya beliau menjelajah ke dalam kompleksiti sifat dan sikap manusia, dan ini menunjukkan perkembangan cerpen Melayu daripada idealisme romantik kemasyarakatan dan semangat kebangsaan kepada idealisme kemanusiaan.

Arena Wati mulai awal tahun 1960-an seolah-olah mahu menolak masyarakat ke pinggir untuk menonjolkan manusia individu ke depan. Beliau mulai melihat kebobrokan masyarakat, yang selama ini dikritiknya bersama penulis-penulis seangkatannya adalah sebenarnya adalah kebobrokan manusia. Penyorotannya berpindah kepada manusia itu. Beliau meneliti manusia. Masyarakat serta alam mulai menjadi alat untuk melihat rahsia sifat dan sikap manusia serta kompleksiti kemanusiaan. Segala yang ideal tentang masyarakat, bangsa, agama dan tanahair dan segala kritikan terhadap penindasan, kecurangan, ketidakadilan berundur ke belakang menjadi latar pergolakan moral dan sikap manusia.

Arena Wati menjadi terkemuka dalam perkembangan kecenderungan baru dalam cerpen Melayu moden ini. Kecenderungan ini barangkali menjadi asas bagi wujudnya pemikiran falsafah tentang kemanusiaan yang makin mengambil tempat dalam perkembangan cerpen Melayu. Walaupun bentuk pengolahan cerpen Arena Wati tidak banyak berubah mengimbangi perubahan isinya itu, namun sesuatu yang baru mulai terasa dan memperlihatkan pengaruhnya dalam perkembangan penulisan cerpen. Dan walaupun kemudiannya Arena Wati tidak ikut serta dalam perkembangan selanjutnya ke arah penyelaman ke dalam jiwa manusia, namun beliau telah ikut memulakan kecenderungan melihat manusia dengan falsafah kemanusiaan. Falsafah tentang kemanusiaan itulah, antara lain, yang akhirnya mendorong ke arah penyelaman kejiwaan di dalam aliran cerpen Melayu masa kini.

Karya-karyanya yang lebih awal, di sekitar pertengahan tahun



50-an, jelas menunjukkan bahawa karangan-karangan itu merupakan karya sambilan yang ringan yang dibuat sebagai memenuhi ruangan tertentu waktu beliau bekerja sebagai pengisi ruangan dalam majalah *Hiburan* di Royal Press atau dengan Malay Publishers Limited di Johor Bahru atau waktu mula bekerja di Pustaka Antara, Kuala Lumpur. Cuma sekitar tahun 1960-an bermula dengan kumpulan *Tingkah Manusia* itu dan awal tahun 1970-an baru terjelma Arena Wati sebagai penulis cerpen yang bersungguh-sungguh.

Keindahan estetik dan peninjauan ke dalam kompleksiti manusia secara serius dan terperinci banyak terdapat dalam cerpen-cerpen Arena Wati yang berhubungan dengan penghidupan di laut yang pada keseluruhannya menjadi bidang tema khusus dari kematangan Arena Wati. Dalam sastera Inggeris dan juga sastera lain yang besar terdapat penulis-penulis yang mempunyai kepakaran khusus tentang satu-satu daerah kehidupan. Dalam sastera Inggeris umpamanya, tema laut begitu berjaya dibawakan oleh pengarang seperti Joseph Conrad. Akan tetapi walaupun bangsa Melayu mempunyai tradisi pelaut yang lama dan sastera lamanya selalu membayangkan kehidupan akrab manusia Melayu dengan sungai, laut dan samudera, umpamanya dalam pantun-pantun yang memberi erti bahawa orang Melayu adalah manusia pesisir, namun sastera moden hampir tidak mempunyai karya yang mencerminkan kehidupan laut ini. Arena Wati menonjolkan keistimewanya dalam memaparkan secara mendalam lagi serba mengetahui mengenai tema ini, iaitu tema manusia, laut dan alam sekitarnya.

Arena Wati sendiri memulai hidupnya sebagai pelaut. Apabila pengalamannya yang cukup konkrit serta mendalam tentang dunia laut itu diadun dengan daya kreatifnya, maka terjelmalah suatu realiti kehidupan di laut yang mencirikan peradaban dunia Melayu turun-temurun. Pengembaraannya itu juga membuka pintu untuk mendalami pelbagai rupa budaya asing. Dunia laut yang sepi, penuh rahsia itu, memberinya peluang merenung alam dan manusia dengan amat mendalam dan bersungguh-sungguh. Dan ini mempengaruhi sikapnya terhadap manusia di darat, terutama di bandar yang tidak pernah sunyi itu. Dalam beberapa cerpen yang tertentu, khasnya “Malay Street”, “Muara Sebatang Lorong”, dan “Johor Baru”, alam bandar muncul sebagai suatu kewujudan yang ajaib dan yang menjauhkan manusia daripada naluri perikemanusiaannya.



Pada umumnya penerokaan, penglihatan dan kecenderungan Arena Wati ini dibangkitkan dalam bentuk dan gaya penulisan yang memperlihatkan daya penceritaan yang padat, licin dan spontan. Cerpen-cerpennya yang terbaik melahirkan lambang-lambang kemanusiaan yang memancing renungan pembaca. Namun, adakalanya benih-benih keindahan, terutamanya yang dibayangkan dalam pergolakan persoalan metafizik, umpamanya dalam cerpen "Kata", tidak sapa menemui kesuburan, layu oleh berbagai-bagai kelemahan. Tambahan pula, kegemarannya akan konvensi yang menamatkan cerita dengan peleraian yang mengejutkan (*surprise ending*), kadang-kadang mengganggu perjalanan cerita serta suasana yang pada mulanya terbentuk secara segar. "Dunia Pelaut" adalah satu daripada cerpennya yang menerapkan konvensi tersebut. Tidak semua cerpen Arena Wati berhasil. Kebanyakan cerpennya yang berhasil pula membawakan persoalan kehidupan manusia dan laut, satu daripada keistimewaannya. Laut bagi Arena Wati adalah pentas penjelajahan dan ruang renungan untuk meneliti sifat dan sikap manusia, terutamanya dalam detik-detik krisis yang genting. Semasa membaca cerpen sebuah kisah penjelajahan "Dunia yang Kutinggalkan", perasaan kita begitu cemas menghadapi tekad Makasa (iaitu personae penulis) untuk mengecat tiang kapal dalam keadaan ribut taufan di laut. Gambaran tentang kapal S.S. Kemuning sungguh terperinci, dan rentak penceritaan begitu lancar menarik seluruh minat kita menjadi penjelajah dalam suatu pengalaman yang mengghairahkan dan mencemaskan. Pengolahan cerita menjangkau nada keharuan daripada satu kisah yang mendalam yang dibangkitkan oleh pertemuan Makasa dengan Ibrahim. Semakin Makasa menonjolkan keberaniannya dengan sikap yang lincah, semakin kita menyedari bahawa kita sedang menonton suatu ritual yang mengubah status pelaut muda itu kepada tingkat kedewasaan. Kesedaran ini seterusnya menjelmakan laut dalam fikiran kita sebagai suatu metafora masyarakat yang jantan sifatnya.

Kaedah bersisi-sisian (*juxtaposition*) antara lakuan yang mengharukan dan renungan yang menyegarkan itu terserlah juga dalam cerpen "Jalan Tunggal". Dalam cerita bersifat *parabel* ini, usaha dua orang manusia menyelamatkan diri mereka daripada maut, menyorot serta mengkonkritkan perbincangan mengenai peperangan dan akibatnya yang sedang dialami oleh dua pelaut itu. Kisah dua pelaut ini menafaskan ungkapan: "Perang memaksa manusia



membuat peradaban, dan perang itu juga memaksa peradaban musnah”.

Arena Wati amat mesra (dan mungkin senang juga) dengan alam kejantanan yang dibina oleh laut. Akan tetapi manusia laut rupanya bertelatah lucu juga di samping hanya menghormati orang yang tekun, berdisiplin dan rajin memikul tanggungjawabnya tanpa mengira status pangkat dan lain-lain. Dunia pelaut ini adalah dunia jujur, dunia yang sanggup menerima hidup yang pahit dan hidup yang manis. Dalam dunia ini, perhubungan manusia memerlukan kejantanan; dan maut sentiasa memanggil-manggil. Dengan tidak disedari, Arena Wati membawa kita kepada ambang *existentialisme* melalui lukisan kehidupan di laut.

Cerpen “Jalan Tunggal”, di antara beberapa cerpen yang lain, menghidangkan renungan tentang sifat dan sikap manusia yang amat kompleks tentang kehidupan ini. Dengan pengolahan yang kemas, bahasa yang lancar, seluruh pengucapan terasa mempunyai tenaga yang mempesona perasaan dan fikiran. Dialog daripada dua orang pelaut yang terapung-apung dalam perangkap maut di laut-an yang sepi dan menggerunkan terasa seperti meluahkan sifat dan sikap manusia yang inti, telanjang tidak berkulit. Sikap dan sifat tersebut selalunya disalut kepura-puraan apabila manusia berada dalam saat-saat kehidupan yang normal, khususnya di darat.

“Engkau doronglah kuat-kuat (rakit ini), aku mau berfikir ...”

“Berpikir tentang perang itu?”

“Tidak. Perang tak perlu lagi kita fikirkan. Perang telah menyebabkan kita celaka begini...”

Dialog-dialog seperti itu secara tidak sedar membawa kita berfikir tentang perang di waktu sedang merasakan pengalaman manusia dalam suasana yang amat gawat.

“Engkau tahu, Sahar, mengapa aku selamatkan engkau?”

“Sebab engkau takut hidup seorang diri di tengah laut.”

Dialog-dialog seperti ini adalah spontan, ringkas, terus terang dan memberikan makna yang amat sesuai dengan suasana. Di hadapan imaginasi kita berdiri gagah manusia sejati tanpa kepura-puraan.

Sebaliknya, alam bandar memberikan tanggapan yang berbeza melalui personaenya Hadi dalam cerpen “Malay Street”. Kesepian





laut yang penuh rahsia menjadikan bandar sesuatu yang amat asing, terlalu sibuk, bising dan bergolak dengan telatah manusia yang pura-pura dan terlalu mementingkan diri sendiri. Semasa rambutnya digunting, Hadi menyedari tukang guntingnya itu adalah rakan seperjuangannya yang juga sudah gagal dalam perjuangan politik. Mereka tidak memahami kenapa mereka tumpas, malahan ada bayangan bahawa Hadi yang tenggelam dalam perasaan putus asa, tidak mahu memahami punca kegagalannya. Kebisingan bandar semakin membimbangkan Hadi dan mendorong beliau mengalih perhatiannya kepada pohon-pohon dan burung-burung. Alam bandar bertembung dengan alam laut dan desa dalam imajinasi dan Hadi mengilhamkan Arena Wati untuk mencipta imej yang melambangkan dilema itu. Hasilnya imej-imej dwirealiti (darat dan laut) yang berdampingan dan menakjubkan seperti: “ ... Permukaan jalan raya di Malay Street mengalir dan berombak terus:” dan “ ... Kedengaran suara radiokar mengaum-ngaum seperti kumbang raksasa menghalau lalat”. Dan akhirnya, Hadi ingin mengatasi perasaan ketidakwujudannya di tengah bandar. Sebelum ia berdiri keluar, maruah si tukang gunting diancam oleh seorang Benggali yang menuntut hutang. Hadi terperangkap, dia “resah, dia mahu segera pergi, tapi kepalanya belum siap”. Cerpen ini pada awalnya menerbitkan bayangan yang penuh berkesan mengenai hilangnya kemanusiaan dalam alam bandar. Ayat penamat itu berupa suatu lagi contoh bagaimana kekuatan cerpen dijejaskan oleh desakan *surprise-ending*.

Kepekaan akan suasana dan dinamisme politik antarabangsa juga mendorong Arena Wati menghasilkan beberapa cerpen yang segar. Pada tahun 1960-an, beberapa penulis Melayu mula mengalih perhatiannya kepada Perang Vietnam. Tujuan asasnya membongkar kezaliman raksasa Amerika ke atas sebuah negara Timur yang kecil. Penelitian Arena Wati mengenai lingkaran politik di Vietnam yang ditunjukkan dalam cerpen, “Seruling dari Mekong” (1963) tidak dapat ditandingi oleh pengarang Melayu segenerasinya. Beliau membentuk sudut pandangan orang dalam semasa melukiskan gerakan bawah tanah Vietnam yang menentang penjajahan Perancis.

Dunia asing dan politik antarabangsa diheret ke dalam kehidupan orang Melayu secara literal dalam sebuah cerpen yang bersifat satira, iaitu “Wisata”. Kisahnya mengenai penghulu Deraman yang mengundang wakil-wakil asing ke pekarangan rumahnya



untuk berwisata dan menikmati jamuan durian. (Cerita ditempatkan pada musim muhibah setelah tragedi 13 Mei). Perarakan orang asing ke kampung menakjubkan penghuninya, dan di sini Arena Wati memperlihatkan kemahirannya mencipta karikatur yang ringan mengenai setiap pelancong itu. Senyuman serta jabat tangan orang-orang asing yang istimewa itu digambarkan secara amat menarik untuk membayangkan sikap mereka. Umpamanya:

“Senyum lebar, riang dan hati terbuka” (Amerika).

“.... senyum dipaksa-paksa” (Inggeris).

“.... senyum lebar yang lazim” (Jepun).

“Tangan kukuh, kuat dan setiap orang mengerutkan kening kesakitan bila berjabat tangan dengannya”.  
(Jerman)

Berlakulah “rebutan kuasa antarabangsa” yang sungguh melucukan dalam kampung itu. Segala peristiwa direka justeru untuk melahirkan alegori. Misalnya, wakil Inggeris, Nicholson terjatuh dan dengan itu membayangkan tumpasnya Empayar British. Collins, wakil Amerika sibuk mengekori wakil Rusia yang gemar berburu monyet. Satira itu berakhir dengan tergadainya sudah durian Deraman kepada tauke Cina. Nicholson sakit teruk dan “Manusia penyakit Eropa” ini memerlukan rawatan cemas. Arena Wati mulai memperlihatkan tanggapan budaya yang baru lagi penting: Barat sudah tua dan buruk, sekarang Timurlah yang ideal untuk dunia.... Semua orang menjadi serba salah. Kecuali Koga yang setakat ini asyik memperhatikan hasil tanaman dalam kampung. Koga yang melambangkan Timur adalah pintar. Secara tenang Koga mencuba untuk mententeramkan keadaan. Bila ditanya bagaimana beliau dapat melunakkan krisis, ia menjawab: “Saya ada cara baru.”

Gaya satira jarang dicuba oleh Arena Wati, akan tetapi dalam “Wisata” beliau menonjolkan kemahirannya mereka sejenis cerita yang sukar diselenggarakan. Bayangan mengenai kepintaran pihak Jepun itu dalam cerpen yang ditulis pada tahun 1972, membuktikan kematangan Arena Wati, membayangkan amanatnya tentang kehancuran tamadun Barat dan kebangkitan Timur. Jika kita mengingat trilogi Arena Wati: *Bunga Dari Kuburan*, *Kuntum Tulip Biru* dan *Sakura Mengorak Kelopak* (1987), maka dapat dirasakan bahawa idea untuk novel-novel itu sudah dimulakan lama dahulu, iaitu pada waktu cerpen “Wisata” diciptakan.

Seperti yang telah disentuh pada awal tadi, cerpen-cerpen awal



Arena Wati kebanyakannya agak lemah seperti gambar yang bergerak memenuhi ruang dan waktu, cerpen-cerpen itu seolah-olah “overhead projector slides”. Namun unsur-unsur kesungguhan tentang sifat dan sikap manusia di samping unsur-unsur humor yang menarik hati mulai terlihat dalam antologi *Tingkah Manusia*, dan kemudiannya dalam antologi *Johor Baru*, umpamanya cerpen “Tujuh Hari Sekali”, yang mengisahkan seorang pengelamun memikirkan kenakalan masa budaknya, membalas dendam ke atas seorang tua dengan melastik buah kemaluan orang tua itu pada waktu dia sedang sujud dalam sembahyang. Kisah “Hayat” merupakan satu lagi cerpen lucu mengenai seorang yang cemburu kepada isterinya kerana menyangka isterinya bermain kayu tiga dengan Hayat, tetapi rupa-rupanya Hayat itu ialah dirinya sendiri!

Kumpulan *Bara Batu* merupakan kumpulan cerpen yang lebih serius. Di antara cerpen-cerpen yang baik ialah “Kenapa di Sini”, “Tangisnya Cuma Sayang Peluru”, “Wisata”, “Ada Apa di Sini”, “Bukan Satu Jalan ke Mekah”, “Alun Menggulung Perlahan” dan “Bara Batu”

“Bukan Satu Jalan ke Mekah” yang memenangi Hadiah Sastera tahun 1972 adalah sebuah cerpen yang kuat. Dari segi pemuatan plot dan suasana suspens yang ditimbulkan ia mengagumkan. Ceritanya mengenai seorang nelayan tua yang engkar menurut perintah supaya berpindah dari kampung datuk neneknya walaupun keseluruhan orang kampung telah setuju. Beliau telah membuktikan bahawa cuma dengan menggunakan kemahiran, cara-cara tradisi yang diturunkan oleh nenek moyangnya, akal serta keyakinan dan kecekalan diri, manusia kampung boleh meneruskan kehidupan. Orang tua itu berjaya menangkap ikan sembilang melalui satu cara primitif tetapi amat berkesan walaupun terpaksa membanting tulang berbulan-bulan menebang buluh dan membuat lukah, satu proses yang benar-benar mendera dirinya. Cerita ini amat intensif sekali dalam menyorot watak insan Melayu dalam bentuknya yang asas lagi jati. Akan tetapi sekali lagi *surprise-ending* merosakkan kekuatan cerpen ini. Satu antiklimaks berlaku bila pada kesudahannya keluhuran dan maruah manusia ini dipatahkan dan terkecundang hanya oleh satu peraturan yang remeh bahawa orang tua itu menangkap ikan tanpa lesen!

“Alun Menggulung Perlahan” dan “Bara Batu” juga merupakan cerpen-cerpen yang kuat yang memperlihatkan dunia laut dan manusia Melayu yang gagah, asli, jujur dan tidak pura-pura. Ceri-



ta-cerita ini memberi gambaran mengenai keasyikan dan kepatuhan kepada satu-satu tugas. Lebih bererti lagi cerpen-cerpen ini memperlihatkan pengetahuan Arena Wati yang mengagumkan mengenai selok-belok hidup dunia laut dan lorekannya secara paling terperinci.

Demikianlah Arena Wati dalam genre cerpen. Walaupun kesan beberapa cerpen beliau kurang indah di sana sini, beberapa cerpennya kuat, berhaluan kemanusiaan dan berani.

Akan tetapi yang terpenting tentang penulis ini ialah kegigihan beliau dalam berkarya dan kegigihannya mengangkat darjat manusia. Arena Wati berjaya menukilkan dunia laut dengan segala rahsia alamnya, dan ini dihubungkan dengan renungan terhadap jiwa dan hati nurani manusia yang hidup di samping laut. Laut dengan ombak taufannya yang ganas, di samping bayu yang ramah dan ufuk yang indah, serta manusianya yang kasar dan tabah, di samping berani dan jujur dapat diadun oleh Arena Wati dengan berkesan dalam cerpen-cerpennya. Beliau mengenalkan budaya laut dan pelaut ke dalam sastera Melayu moden dengan amat menarik dan bererti di samping memulakan penjelajahan cerpen Melayu ke alam manusia dan suasana antarabangsa.



## NOVEL

Watak-watak yang kompleks, dunia yang rencam dan wawasan tentang manusia yang lebih terperinci dalam cerpen-cerpen Arena Wati adalah bibit-bibit dan bahan untuk karya yang lebih luas bentuk dan kemungkinannya.

Untuk seorang penulis yang merenung alur kewujudan manusia bentuk novel memberi ruang dan kemungkinan rincian yang diinginkannya. Dan Arena Wati memasuki genre ini secara alamiah, menganggapnya sebagai suatu tahap kesenimanannya yang perlu lagi menguji dirinya.

Layar novel Arena Wati amat luas. Beliau mengatur peristiwa-peristiwanya di kampung-kampung terpencil, di hutan dan belukar, di pantai, di rancangan tanah, kota Semenanjung, Sabah dan Indonesia. Dari Nusantara beliau menyeberang ke Vienna dalam *Eno*, dan seterusnya ke Ithaca, New York, Leiden, Netherland dan juga Kyoto, Jepun. Benua-benua besar ini akhirnya menjadi dunia penulisnya yang setelah dicerekakan, dipersembahkan kepada kita, pada mulanya dengan pemerian umum, tetapi di akhirnya dengan perincian yang cukup meyakinkan.

Rentangan temanya juga sama lebar dengan jangkauannya. Beliau bermula daripada makna kolonialisme, perjuangan kemerdekaan, dan setelah itu memasuki masalah-masalah negara yang sedang membangun — tegangan antara adat dan modenisasi, kehidupan dalam masyarakat yang berbilang keturunan dan sebagainya. Dari sini kita dibawa ke dalam dilema yang ditimbulkan oleh politik antarabangsa, jiwa manusia Eropah, Amerika dan Jepun, feminisme serta juga muslihat dunia saingan empayar industri Jepun.

Novel-novel Arena Wati sering mengampungkan sejumlah



watak yang cukup besar, seperti mempertegaskan kenyataan beta-pa sesak dan rencamnya dunia manusia ini. Dalam *Sandera* watak-watak yang menganut berbagai-bagai ideologi dialurkan melalui persahabatan, perbezaan dan konflik. Dalam *Rontok* watak-watak daripada berbilang suku bangsa dari seluruh Sabah dan juga Semenanjung berusaha untuk hidup bersama. Akhir sekali, triloginya mempersembahkan kepada pembaca profesor, intelektual, pejuang politik Maluku, feminis dan industrialis yang belum lagi kita temui dengan jelas sebelum ini.

Keberanian meneroka dunia yang pelbagai ini, mengumpul manusia dari berbagai-bagai pelosok hidupnya menjadi sebahagian daripada bukti untuk suatu bakat yang besar dan ketekunan yang luar biasa.

*Kisah Tiga Pelayaran* (1959) hinggalah *Gandaria* (1969) telah memulakan tahap pertama ini. Arena Wati merintis bentuk novel dengan mengisahkan pengalamannya sebagai pelaut dalam novel autobiografinya *Kisah Tiga Pelayaran*, (1959). Karya ini membayangkan *Kisah Pelayaran Abdullah*; banyak persamaan yang terdapat pada kedua-dua karya ini. Di samping pengalaman peribadi yang dipersembahkan dengan jelas, kedua pengarang sering menyelitkan pengetahuan dan pemikiran masing-masing. Sejak tahap awal lagi Arena Wati telah menunjukkan keistimewaannya sebagai pemerhati: pengalaman, perasaan dan fikirannya dengan jelas dilakarkan untuk pembacanya. Kekuatan Arena Wati terlihat dalam gambaran pengalaman dan perasaan yang diterima dengan akrab. Gerak prosanya yang cuba diolahnya daripada daya imajinasinya, terutama yang bersifat abstrak, seperti dalam *Lingkaran* (1965), membuat karyanya menjadi berat, dan kadang-kadang sukar untuk diikuti. Dalam *Gandaria* (1969), imajinasinya tidak serumit *Lingkaran*, walaupun persoalan seperti perpaduan antara kaum dan pembangunan negara, terutama orang Melayu, masih menjadi sendi utamanya. Tetapi *Gelora* (1963) adalah karya terkuat dari tahap awalnya, baik dari segi pengolahan cerita mahupun daripada penghuraian persoalan.

Karya-karya beliau yang terawal, iaitu *Kisah Tiga Pelayaran* (1959) dan *Jalan Malam Ke Ibu Kota* (1961) merupakan langkah cubaan, tetapi sedikit sebanyak sudah menunjukkan ciri-ciri yang kemudiannya diteruskan ditahap berikutnya. Pada tahap ini kita menemui pengkisahan yang intim, yang sangat rapat dengan pengalaman peribadinya. *Jalan Malam Ke Ibu Kota*, misalnya, ialah kisah



pengalamannya ke Kuala Lumpur dan pulang ke Johor Bahru.

Tiupan bakatnya terkuat dalam *Geloranya*, (1963) dan membawakan suasana baru selepas *Salina* oleh A. Samad Said. Pada novel inilah Arena Wati lebih jelas bakatnya sebagai pencerita alamiah (*story teller*), bukan sebagai seorang penggubah yang merangkaikan berbagai teknik yang canggih. Kelancaran pergerakan novel ini ternyata dengan urutan dan gugusan peristiwa-peristiwa yang mendebarkan yang menyusul satu sama lainnya hingga menghasilkan sebuah novel yang kuat. Berlatarkan Kota Makassar zaman revolusi, pameran gerakan-gerakan ketenteraan dan gerilanya diimbangi dengan berbagai jenis situasi manusia. Hasilnya adalah kesan *ironi* dan perasaan yang amat mendalam. Kejayaan Arena Wati dalam *Gelora* terletak pada suatu bauran antara tema yang berjejak kepada pengalamannya, wawasan yang muncul dari tema itu serta kecenderungan untuk “berfalasafah” melalui karyanya.

*Gelora* memaparkan kenyataan zaman revolusi Indonesia. Sudut pemerhatinya melihat Revolusi Indonesia dari kaca mata yang romantis: segalanya berdasarkan lunas perasaan kebangsaan. Novel *Gelora* memperlihatkan segi-segi penderitaan dan sengsara keadaan itu.

*Lingkaran* pula beralih kepada persoalan-persoalan berat negara. Di samping soal interaksi antara kaum, pengarang membawa kita kepada soalan pembangunan negara dan penyakit pembunuhannya. Persoalan-persoalan yang terlalu berat tidak membantu Arena Wati untuk mengolahnya ke dalam sebuah cerita yang licin dan lancar. Siratan peristiwa yang sulit, terutama muslihat Franken, Hess, Foo Seng Kow dan Arumugam, yang timbul dari manuskrip tinggalan Tahir, adalah suatu bukti kepada sifat ini.

Hubungan antara kaum tidak dapat dinilai sewajarnya melalui episod-episod kecurigaan Hess, Arumugam, Foo Seng Kow dan Ramli, walaupun hal begini wujud dalam masyarakat Malaysia. Akan tetapi ini bukanlah matlamat Arena Wati. Seperti kata Hassan kepada Ramli, “Seluruh bangsa Melayu dan sebahagian bangsa turunan asing penduduk negeri ini, sudah sekian banyak memberikan pengorbanan untuk kemerdekaan.... Tetapi apa gunanya semua ini dijadikan tangga oleh beberapa orang yang seperti abang, dan meruntuhkannya kembali?” Jikalau kejatuhan Ramli lah yang menjadi pokok cerita di sini, maka para pembaca tidak perlu diheret melalui lorong-lorong di antara kabin kapal dan liku-liku hidup serta muslihat manusianya.



Persoalan-persoalan yang berat telah menyebabkan jalan ceritanya berlingkar-lingkar. Pergerakannya terputus-putus dan tidak lancar. Akan tetapi apa yang dapat menarik pembaca novel ini ialah kelincihan Arena Wati mengadunkan pengalaman manusia yang dasar seperti percintaan, perkahwinan, kerakusan, rasa dendam dan malah keruntuhan sebuah keluarga.

Dengan *Sandera* (1971) kita melangkah masuk ke tahap kedua perkembangan novel Arena Wati. Tahap ini yang bertitikmulakan *Sandera* tetapi meliputi juga tiga buah novel Sabah beliau iaitu *Eno*, *Royan* dan *Rontok*, semuanya diterbitkan dalam satu tahun yang sama, 1980. Akan tetapi tahap ini juga masih boleh dibahagikan kepada bahagian pertama yang memuatkan dunia *Sandera* dan bahagian kedua dunia Sabah dalam ketiga-tiga buah novel yang terbit pada tahun 1980 itu. Pembahagian ini akan dilihat dengan lebih jelas lagi dalam perbincangan selanjutnya tetapi mungkin mencukupi di sini jikalau dikatakan bahawa pemikiran, arah tujuan dan malah teknik *Sandera* amat berlainan dengan novel-novel Sabahnya.

Novel terkenal Arena Wati *Sandera* adalah suatu usaha besar untuk mencerekakan sejarah perjuangan politik bangsa Melayu-Indonesia dalam mengatur strategi untuk merebut kemerdekaan dan akhirnya memulihkan harga diri dan identiti bangsa itu. Melalui perspektif pengarangnya, lewat peristiwa-peristiwa novel ini, diwujudkan suatu jalinan rapat lagi kompleks di antara suasana politik penjajahan, sejarah silam dan semasa yang membawa pelajar, pedagang dan ulama berulang-alik dan seterusnya hubungan kekeluargaan yang sudah lama diaturkan di antara Tanah Melayu, Singapura dan Indonesia.

Tema *Sandera* jelas menjalinkan peristiwa dan perjuangan untuk memenangkan kemerdekaan. Watak-watak diuji oleh keadaan, kekejaman, kesengsaraan dan juga kemewahan serta keuntungan diri. Akan tetapi rincian dari tema ini juga membawa hal-hal yang cukup menyentuh masalah dasar jiwa dan diri bangsa Melayu, mutu pemimpin dan kepimpinannya yang longgar yang sering dibawa angin keadaan dan tidak oleh badai ideologinya atau ghairah maruah. Pengarang membayangkan juga melalui pendapat watak utama, bahawa "kaum intelektual di negeri ini belum lagi betul-betul memenuhi tanggungjawabnya sebagai kaum intelek negara baru mereka".

Sama tajamnya juga ialah bayangan etos Melayu yang diperi-





kan lebih sebagai “penerima”, bukan “pencari” atau “perebut”. Alam terlalu murah hati dan setelah dimanjakan, manusia Melayu (dan pribumi Sabah dalam *Royan*) lupa untuk bergiat dalam mendapatkan atau mengekalkan sesuatu. Mungkin ciri etos inilah yang diklimakskan dalam adegan terakhir di mana Kalsom, bekas isteri Busad harus berpindah kerana suami barunya, Ismail telah berjanji untuk menyerahkan tanah Busad kepada seorang tauke. Busad dan Rustam (watak-watak yang lebih tegas) harus kembali untuk merebutnya.

*Eno* pula membawa dunia remaja dan kesenimanan. Pergolakan perasaan watak-watak muda dan anehlakuan seniman menjadi gelombang dan alun cerita. Lebih dari itu kita dimasukkan”dalam jiwa seorang anak muda yang sedang mencari dirinya.

Dunia Sabah diketengahkan di layar novel ini. Vienna, kota pelajaran Salim, protagonis novel ini hanya kota sementara dan agak samar. Arena Wati memilih masyarakat Bajau dan Kadazan Ranau (pada umumnya) sebagai pentas utama lakuan dan peristiwa. Masyarakat dan watak-watak Sabah ini dijalin dan diberikan wajah Malaysia yang majmuk dan nyata.

Suasana dan tekstur cerita *Eno* amat berlainan daripada yang kita temui dalam *Sandera*. Berbanding dengannya, *Eno* lebih ringan, dan kelihatan bahawa dunia yang dibawanya juga lebih mudah. Inti novel ini dipusatkan pada diri, pada bakat dua orang manusia dan aliran cinta di antara mereka. Manusianya juga umumnya adalah ahli keluarga atau teman, kuat beragama, penuh kemurahan hati dan sebagainya. Novel ini juga tidak kompleks dan lebih menjalini plot kepada perasaan dan peristiwa. Perasaan anak muda, kesengsaraan yang dihasilkan dari salah faham, menjadi ujian dan cabaran kepada wataknya.

Novel ini juga disusun ke dalam bahagian dan adegan seperti pengarang ingin menjelas dan menyusun peristiwa secara teratur. Bahasanya cukup bersih dan kadang-kadang, seperti di akhir karya ini, perhatian kita berpindah ke daerah puisi. Renungan dan wawasan pengarang dalam cerita dibawa secara meyakinkan.

Watak Salim dan *Eno* membawa garis-garis lakar yang kadang-kadang membingkai juga perasaan dan amok jiwanya. Walaupun demikian, mereka tidak terlihat secara jasmaniah di depan kita. Di sebaliknya, dunia, jiwa, muzik dan perasaan mereka menjadi lebih hadir.

Dengan *Royan* pula Arena Wati memasuki pedalaman Sabah



dan membawa kita menyaksikan dunia rancangan tanah di daerah pedalaman. Sekali lagi pengarang memperkenalkan watak-watak Sabah kepada kita, dan kali ini mereka ditempatkan di pusat pentas sementara watak-watak Semenanjung, umpamanya, hanya diperankan sebagai pemenuh latar dan cerita. Adat istiadat Kadazan menjadi bahagian penting kepada konteks kehidupan watak-wataknya, malah agak terlalu kaya sehingga perjalanan cerita kadang-kadang terhalang olehnya.

*Royan* berlatarkan suatu pembangunan daerah yang sedang menjalar ke bukit dan lembah Sabah. Pembangunan ini tidak saja menjanjikan masa depan yang berlainan daripada apa yang pernah dikenali, tetapi di sebaliknya juga menggegarkan cara dan dasar hidup tradisional. Sebagai penggerak cara dan dasar hidup ini watak-watak *Royan* seperti Borenting, Kondu dan Mansulat sedang mengalami krisis identiti diri dan sukunya. Televisyen, radio, hidup dalam masyarakat berbilang suku, kedai-kedai yang dibuka di Rancangan dan fesyen pakaian yang lebih baru, semuanya melanda kampung pedalaman ini dan mengesani manusianya. Novel ini memperlihatkan berbagai-bagai gelombang yang mengoleng-olengkan watak-wataknya. Proses perubahan dan penyesuaian sedang bergerak cepat. Suatu peristiwa terpenting misalnya, ialah lawatan Kondu ke keluarga mentuanya di Kuala Lumpur. Dia dihantarkan ke dalam suatu budaya yang tidak pernah dikenalnya dan dikejar masuk ke dalamnya walaupun dengan cara yang tidak sedar. Kondu juga mungkin ingin memasukinya. Tarikannya cukup kuat dan payah untuk dilawan. Seluar jeans, restoran besar, emas berlian, rumah batu dan wisata datang kepadanya dalam suatu kejutan budaya. Maka berlakulah adegan-adegan sedih-lucu hasil daripada salah faham terhadap budaya baru ini. Ayah Kondu, Borenting juga menjadi watak penting dalam adegan konflik budaya ini. Dia pernah bebas dan oleh itu dengan alamiah pula telah mencari kebebasan itu di Kuala Lumpur. Dengan bantuan temannya dia mendapatkan kembali sebahagian daripadanya dengan merayau-rayau di lorong-lorong belantara konkrit kota ini.

*Royan* menurunkan dan mempertegaskan suatu dilema. Walaupun Arena Wati mengaturkan supaya watak-wataknya memilih pemodenan dan kemewahan di suatu pihak, tetapi di pihak yang lain juga beliau ingin semangat hidup tradisional dan muafakat terus dikekalkan. Malangnya di akhir novel sebahagian dari pandangan hidup dan cara lama harus ditinggalkan dengan



perbuatan simbolik memasuki Rancangan Tanah. Rancangan itu sendiri digambarkan sebagai melalui beberapa tahap perkembangan yang diawali dengan keraguan calon-calon pesertanya tetapi mula mantap dengan penanaman koko dan pisang, panen dan pendapatan yang membesar serta pematangan anak-anak. Oleh itu di akhir novelnya kampung itu sudah pun berakar pada tanahnya.

Plot kisah cinta terputus-putus, kerana watak-wataknya tertarung adat dan juga "digression". Seperti juga dalam *Eno Arena Wati* agak terlalu cepat membunuh watak-wataknya. Lubinoi yang tidak bersetuju supaya keluarganya berpindah ke Rancangan, dan kekasih Kondu, Mansulat, dimatikan dengan cara-cara yang agak mengejutkan.

Watak-watak *Royan* agak besar jumlahnya, dan diambil dari berbagai-bagai suku. Arena Wati terpuji kerana melukiskan kemajmukan masyarakat Malaysia dan dengan berani menampilkan pelaku-pelaku dari suku Ilanun, Bajau, Melayu, Brunei dan Kadazan. Mereka memenuhi lagi layar kenyataan walaupun hanya beberapa saja yang dibawa ke tengahnya.

Warna setempatan yang dilihat melalui lukisan hutan, kampung tradisional Kadazan, adat istiadat, tamu Kota Belud, koko yang sedang membesar, cebisan-cebisan bahasa sukuan dalam dialog, mempertegaskan lagi sekitaran latarnya. Berbagai-bagai utas benang telah diperkenalkan di awal novel, tetapi di akhirnya semua sudah ditunen menjadi kain realiti novel itu.

Seterusnya *Rontok* pula mengumpulkan lakuan dan peristiwa di Kota Kinabalu di sekitar pasarnya dan di kaki lima serta lorong kedai-kedainya. Kali ini masyarakat pelarian suku di Sabah menjadi persoalan teras. Untuk pembacanya Arena Wati menghidangkan pengalaman. Bahasa dan perasaan dibawa mentah dari kehidupan.

Dengan berlatarbelakangkan kemewahan Kota Kinabalu, pasar yang riuh dan ramai, jenis-jenis makanan yang berlimpahan kita diperkenalkan dengan anak-anak pelarian yang tidak mempunyai tempat tinggal, keluarga, pakaian yang secukupnya dan kehidupan yang wajar. Yang ada hanyalah perjuangan untuk merangkaikan detik demi detik hidup supaya di akhir hari mereka dapat terus makan dan setelah itu bangun lagi keesokannya untuk mengulangi pengetahuan ini.

*Rontok* jelas bertujuan untuk melukiskan penderitaan anak-anak yatim piatu di pinggir masyarakat Kota Kinabalu. Kekejam-



an, pemerasan dan tiadanya timbang rasa didirikan pengarang sebagai tugu masyarakat yang tidak peka dan tidak mempunyai kemurahan hati. Sekali lagi watak-watak Arena Wati terlalu cepat meninggal, walaupun mereka mungkin kukuh dan kuat menentang kehidupan yang tidak bersimpati terhadapnya. Mungkin juga keinginan pengarang untuk memadatkan sebahagian besar peristiwa cerita ke dalam ruang waktu sehari telah melemahkan urut logika ceritanya. Peristiwa-peristiwanya penuh sesak dalam waktu yang singkat. Umar meninggal kerana demam panas yang dihadapinya hanya sepanjang satu malam.

Dengan kelahiran trilogi *Bunga Dari Kuburan (BDK)*, *Kuntum Tulip Biru (KTB)* dan *Sakura Mengorak Kelopak (SMK)*, ketiganya diterbitkan dalam tahun 1987, Arena Wati jelas memperlihatkan ruang lingkup yang lebih meluas dan secara tidak langsung telah berjaya membawa dunia antarabangsa ke dalam arena Kesusaasteraan Malaysia. Jangkauannya melebar, menyentuh persoalan-persoalan topikal yang mencetuskan pula berbagai-bagai permasalahan manusia dalam pelbagai situasi dan suasana.

Dengan trilogi ini juga Arena Wati telah mendorong kita melangkah beberapa perbatasan baru, terutama peradaban asing yang mendasari kehidupan di benua-benua jauh. Stamina Arena Wati dalam penghasilan trilogi ini memang mengagumkan, tetapi kekauguman itu bukan sangat kita rasakan dari sudut besarnya ketigatiga buah novel itu, tetapi lebih kepada siratan rincian dan variasi yang menjadi dasar sikap dan nilai tamadun dunia-dunia baru yang dilukiskannya. Meskipun pemerian Arena Wati lebih banyak melingkari hanya aspek-aspek realisme luaran tetapi adakalanya usaha itu cuba mencernakan realisme dalaman secara yang cukup peka sehingga membawakan kesan daripada kisah yang penuh merangsangkan dan menghairahkan terutama seperti yang terbukti dalam *Sakura Mengorak Kelopak*.

Sebelum itu dalam *Bunga Dari Kuburan* kita dibawa untuk cuba menghayati beberapa serpihan kehidupan di Amerika, tetapi ternyata kemudiannya penghayatan ini berubah menjadi pendudukan negara Amerika sebagai sasaran kritikan. Kacau-bilau, kekejaman dan keganasan telah meletus akibat daripada jiwa yang kosong lagi sesat. Menerusi berbagai-bagai episod bencana alam, pesta Halloween dan perayaan Thanks Giving dan didukung pula oleh watak-watak dari pelbagai keturunan, Arena Wati terus berkisah dengan lancar, dibumbui dengan berbagai-bagai maklumat



dan amanat. Malangnya maklumat dan amanat terlalu dipentingkan sehingga ciri-ciri estetika itu agak ketinggalan.

Kesan yang sama juga dirangkaikan melalui *Kuntum Tulip Biru*. Jikalau dalam *Bunga Dari Kuburan*, Amerika dengan segala kebebasan dan kehiruk-pikukannya menjadi latar utama, dalam *Kuntum Tulip Biru* kita dibawa pula menjelajah Eropah, khususnya Belanda. Cerita-cerita kekejaman dan keganasan diulang dalam novel ini. Isu dasar di sini ialah gerakan antinuklear yang merebak di seluruh benua itu. Dan para watak dalam *Kuntum Tulip Biru* dilibatkan dalam pokok pergelutan ini sehingga ianya bercabang menjadi pergerakan anti-Yahudi dan beranting halus kepada berbagai-bagai permasalahan modenisme lainnya yang sering muncul dalam bentuk kacau-bilau. Antipati kisah dan iklim latar hampir seiras dalam *Bunga Dari Kuburan* dan *Kuntum Tulip Biru*. Bezanya hanya latar fizikal semata.

Lain pula keadaan dan kesan yang terdapat dalam *Sakura Mengorak Kelopak*. Di sini Arena Wati bukan lagi sekadar memotretkan kisah-kisah realisme permulaan tetapi telah terjun ke dalam kenyataan dalaman Jepun; khususnya pemikiran yang melahirkan ketegangan generasi, kebolosan pengaruh Amerika dan juga yang paling penting, hakisan nilai-nilai tradisi yang selama ini menjadi dasar tradisi Jepun. Pendirian tegas wanita Jepun moden yang diwakili Michiko, yang secara simbolis menolak lelaki yang tidak setia dan curang dan juga melawan kebiasaan Jepun yang mementingkan kaum lelaki. Bertolak daripada hakikat inilah Arena Wati dengan penuh keyakinannya mengembangkan kisah sehingga alur-alurnya meluas serta menyentuh pula pelbagai perihal lain, termasuk beberapa jaringan peradaban Jepun. Michiko bertegas untuk meningkatkan maruah kewanitaan Jepun dan menundukkan ego kelelakian Jepun akhirnya mengesani berbagai-bagai golongan yang terpengaruh dalam politik Jepun sehingga menyebabkan cetusan sengit lagi mendebarkan. Keunikan *Sakura Mengorak Kelopak* agak ketara kalau dibandingkan dengan novel *Bunga Dari Kuburan* dan *Kuntum Tulip Biru*. *Sakura Mengorak Kelopak* begitu padat kemas dalam gubahannya sedangkan *Bunga Dari Kuburan* dan *Kuntum Tulip Biru* agak longgar dan terlalu penuh dengan selingan yang kadang-kadang mengganggu aluran kisah. Kepadatan gubahan *Sakura Mengorak Kelopak* berpunca dari pemusatan idea yang memungkinkannya ditebar luas di suatu pihak, tetapi di pihak yang lain kompleks lagi rencam. Sikap



Michiko menentang tradisi demi kemurnian dan kebebasan wanita dicernakan dengan halus oleh Arena Wati sedemikian rupa sehingga terasa hirisannya terhadap tradisi tegas itu. Dan sikap peribadi Michiko itu diperluaskan dan ditebarkan sehingga merangkuli dan menguji keperibadian bangsa Jepun itu sendiri.

Novel *Sakura Mengorak Kelopak* ini jelas dalam arah perkembangannya, bukan saja kerana adanya pemusatan idea seperti yang disebut lebih awal tadi tetapi juga kerana adanya kedalaman dan kerencaman dalam perwatakan. Berlainan dengan perwatakan dalam *Bunga Dari Kuburan* dan *Kuntum Tulip Biru* yang rata-rata tidak begitu jelas fungsi dan tindakannya dalam karya ini, watak-watak Michiko, Taeiko, Sagaike dan Sasaki Nobutake serta lain-lain bukan saja mempunyai ciri-ciri kekhususan, kerencaman dan keperibadian tetapi juga berjaya membayangkan hati nurani dan rahsia-rahsia peradaban Jepun di sebalik wajah dan jasadnya. Konflik sengit antara kelompok Sasaki Nobutake dengan kelompok Hideo Sigori yang melatarkan aksi novel ini digubah sedemikian rupa sehingga meninggalkan satu kesan kepada seluruh urat saraf Jepun itu sendiri. Walaupun novel ini luas tebaran dan peristiwa-peristiwanya, meskipun terdapat juga banyak kejutan-kejutan dalam liku-liku alurannya tetapi masih tetap terasa kemunasabahnya kerana peristiwa-peristiwa itu berfungsi dan tersandar pula kepada latar fizikal yang ditambah dengan sudut jiwanya.

Kesan-kesan begini agak tipis dalam novel-novel *Bunga Dari Kuburan* dan *Kuntum Tulip Biru*. Kedua-duanya mempunyai kanvas yang luas dan memuatkan banyak selingan rangkaian peristiwa luaran dalam bentuk-bentuk pertemuan dan percakapan sesedap rasa yang terputus-putus. Segala-galanya lebih merupakan serpihan-serpihan yang agak kurang memadukan suatu gubahan. Dialognya juga agak kurang tersusun dan terdapat bahagian-bahagiannya yang tidak berperanan jelas. Watak-watak seperti Walter Zimmermann, Flora, Savanna, Tuk, Saleha, Jahid, Nahara, Truong, Aung Yit dan sebagainya dalam *Bunga Dari Kuburan* tidak begitu ketara datar tindakan dan perkembangan mereka. Agak terlalu banyak rangkaian yang bersambung-sambung tanpa arah dan sebab yang jelas. Ternyata lagi dalam kedua-dua buah novel ini Arena Wati amat lebih menitikberatkan amanat daripada teknik penyampaiannya.

Melalui trilogi antarabangsa ini dan novel-novel yang lain-lainnya, kita menemui seorang pengarang yang amat gigih dan



tekun. Namun begitu beliau masih teguh berpegang kepada konvensi penulisan. Karya-karyanya tidak terpisah dari realisme biasa, khususnya realisme permukaan. Aspek-aspek realisme dalaman yang cuba menyelami pemikiran yang lebih dalam sifatnya agak kurang.

Sesungguhnya Arena Wati masih berpegang kepada konvensi. Namun begitu jikalau dilihat secara keseluruhannya, trilogi ini benar-benar melangkah perbatasan baru dalam sejarah kesusasteraan Malaysia. Kegigihan Arena Wati menangguk bahan dan seterusnya menyajikannya dalam bentuk karya sastra cukup terpuji. Tambahan pula lingkungan Arena Wati tidak dibatasi oleh geografi dan sejarah Nusantara tetapi menembusi tradisi dan peradaban di luar diri dan negeri yang lebih mencabar dan rencam. Hal ini sebenarnya menuntut keberanian dan stamina yang luar biasa.



## ESEI

Arena Wati banyak sekali menghasilkan tulisan bentuk rencana atau esei sejak tahun lima puluhan lagi. Berbagai-bagai majalah dan akhbar seperti *Hiburan*, *Mastika*, *Dewan Masyarakat*, *Dewan Bahasa*, *Dewan Sastera*, *Berita Minggu*, *Utusan Zaman* dan *Berita Harian* menjadi tempat menyiarkan tulisannya.

Sepanjang tiga puluh tahun lebih pembaca menemui rencananya di sana sini mengenai berbagai-bagai soal: bahasa, kebudayaan, sastera, politik, kemasyarakatan, sejarah, agama, tokoh-tokoh penting dan juga ekonomi. Sama seperti sasterawan lain yang seangkatan dengannya, beliau nampaknya berminat dalam banyak hal dan manusia dalam bentuk yang jurnalistik sifatnya – untuk bacaan umum.

Sifat umum yang terdapat di kalangan penulis yang sezaman dengannya ialah seolah-olah mereka tahu tentang semua bidang kehidupan. Walau bagaimanapun sifat penulisan seperti ini tidaklah menghairankan mengingat bahawa Arena Wati dan kebanyakan penulis yang seangkatan dengannya seperti Keris Mas, A. Samad Ismail, Usman Awang, Awam-il Sarkam dan A. Samad Said pernah bergiat dalam dunia penulisan dan sekaligus kewartawanan di Singapura dan kemudian di Kuala Lumpur. Meskipun demikian perkembangan Arena Wati akhirnya telah menampakkan kelainan yang membezakan dirinya daripada penulis-penulis yang lain itu, iaitu kecenderungannya ke arah penyelidikan dan penulisan yang berat dan ilmiah sifatnya. Hal ini dapat juga dibuktikan dengan jelas melalui sejumlah bukunya tentang sejarah, sastera dan kebudayaan.

Berbanding dengan tulisan-tulisannya yang lain, rencana sasteranya tidaklah banyak. Akan tetapi sejumlah kecil yang dilahir-





kannya selepas tahun enam puluhan setiap satunya agak panjang dan terperinci. Kadang-kadang sangat terperinci pula sehingga terasa seolah-olah beban yang tidak perlu digalas oleh tulisannya.

Rencananya yang berupa kritik sastra jelas menunjukkan bahawa Arena Wati sebelum menulis telah membuat persediaan yang rapi dan pembacaan yang luas. Meskipun bukan seorang yang terdidik secara ilmiah di pusat pengajian tinggi, Arena Wati memperlihatkan unsur-unsur ilmiah dan keserjanaan di dalam tulisannya.

Beliau juga menunjukkan keberaniannya menggunakan istilah-istilah dan konsep kritikan sastra Barat bagi menghuraikan karya sastra secara umum ataupun menganalisis beberapa novel Malaysia dan Indonesia. Barangkali Arena Wati adalah di antara satu atau dua orang pengarang angkatan lima puluhan yang tekun mengkaji aspek-aspek puisi dan cereka dan kemudian dengan yakin memberikan ceramahnya kepada orang lain. Kadang-kadang pembicaraannya terasa berlebih-lebihan dengan menggunakan istilah daripada konsep yang tinggi untuk pembaca atau peminat sastra yang menjadi sasarannya.

Daripada tulisan-tulisan seorang sasterawan yang tersiar dalam *Dewan Bahasa*, *Dewan Sastra* dan *Utusan Zaman* ada beberapa kesimpulan boleh dibuat mengenai pengetahuan, pengalaman dan kecenderungannya. Arena Wati hidup dalam satu kesinambungan kebudayaan yang menghubungkan Malaysia dan Indonesia sehingga pembicaraannya tentang kesusasteraan sering menimba contoh dan gambaran daripada karya-karya sastra kedua-dua buah negara itu. Dengan selesa dan meyakinkan beliau membicarakan *Salah Asuhan* atau *Jalan Tak Ada Ujung* atau *Keluarga Gerilya* seperti beliau membicarakan karya A. Samad Said atau A. Samad Ismail.

Bukan sahaja esei sastra Arena Wati menunjukkan pengetahuannya tentang sastra Malaysia dan Indonesia, malah dari segi sejarah politik dan sosial juga karyanya menunjukkan bahawa beliau adalah pengarang yang sangat besar kesedarannya terhadap akar sejarah kedua-dua buah negara ini. Tidak sahaja pada peringkat pengetahuan, Arena Wati sedar akan apa yang terjadi pada zaman silam, tetapi cinta dan hormatnya pada latar belakang kedua-dua negara itu terasa memaut kesetiannya.

Selain aspek budaya dan sejarah, Arena Wati turut memperlihatkan sikap keagamaannya yang jelas di dalam tulisannya. Barangkali tidaklah salah untuk merumuskan pendirian dan sikap be-



liu dalam tulisan-tulisan sasteranya, bahawa beliau adalah seorang pengarang yang serius, seorang Melayu yang mendalam perasaannya terhadap kebudayaan Melayu, seorang Melayu yang berlatarkan dua negara serumpun, iaitu Malaysia dan Indonesia, dan seorang Muslim yang berkeyakinan terhadap pegangannya.

Meskipun begitu beliau sangat terbuka kepada teori dan konsep sastera barat dan cukup liberal untuk menerima pengalaman dan kebijaksanaan sastera dunia lain. Hal ini jelas diucapkannya dalam pidatonya sewaktu menerima S.E.A. Write Award di Bangkok pada Oktober tahun 1985, apabila beliau berpendapat betapa pentingnya karya-karya sastera dunia diterjemahkan.

Di dalam ucapannya itu Arena Wati juga menyebut bahawa, pertama, ilmu ialah jalan kepada pengetahuan dan kemahiran; kedua, agama sebagai jalan mendapatkan keyakinan; dan ketiga, falsafah sebagai alat menemukan kebenaran.

Selanjutnya Arena Wati berkata: “Untuk mengenal simpangsiur dalam diri manusia, bagi saya, falsafah yang paling tepat. Dan untuk melangkah kepada falsafah, saya pilih sastera sebagai jalan yang termudah, kerana sastera itu sendiri puncak yang ditujuinya ialah kebenaran, ketenangan, melalui nafsu lawwamah untuk memasuki kenikmatan mutmainah”.

Demikianlah keyakinan yang ditunjukkan oleh Arena Wati terhadap kesusasteraan sebagai alat menuju kebenaran pada saat beliau sedang mencapai kemuncak dalam bidang penulisan. Keyakinan ini nampaknya timbul daripada dasar kepercayaannya yang kuat terhadap agamanya, Islam.

Sejumlah kecil esainya memang agak kental dengan maklumat dan isi, tetapi sebagai esei sastera tidak semuanya memukau, kerana keindahan esainya sering terkorban oleh idea, istilah, dan pesan yang tidak begitu tersaring pemilihannya. Oleh itu sebagai esei sastera Arena Wati lebih terletak pada isinya, dan tidak pada kreativiti pengucapan yang memiliki stail dan perwatakan yang khas Arena Wati sendiri.

Arena Wati telah menerbitkan 10 ‘buku umum’ – sebuah sejarah Tanah Melayu (*Sejarah Tanah Melayu dan Sekitarnya*), empat buah sejarah dan kajian sastera lama (*Rampai-rampai Melayu Lama, Silsilah Melayu dan Bugis, Harith Fadhilah, Bunga Rampai Dongeng Melayu*), empat buah tulisan tentang bentuk sastera dan sastera moden (*Bentuk Sastera, Perkembangan Kesusasteraan Melayu, Asas Pengetahuan Puisi, dan Cerpen Zaman Jepun*), Tiga



'buku umumnya' yang lain sudah siap, tetapi belum diterbitkan. Buku ini mirip kepada kajian filologi terhadap teks Melayu lama.

Tujuh daripada bukunya telah diterbitkan dalam tahun 1964-65, tatkala beliau bertugas di Pustaka Antara; dua yang lain, dalam tahun 1968 dan 1973 juga semasa beliau bertugas di tempat yang sama. Buku 'etnologi' diterbitkan dalam tahun 1978 semasa beliau bertugas di Yayasan Sabah, dan tiga yang belum tercetak itu telah diselesaikan semasa beliau bertugas selaku karyawan tamu di UKM. Tahun 1964 - 65 merupakan period kemuncak kreativiti Arena Wati apabila beliau menghasilkan 9 buah cerpen dan juga novelnya yang penting *Lingkaran*.

Kebanyakan buku umum Arena Wati jelas ditulis untuk mengisi keperluan bacaan sekolah. Buku-buku ini seperti *Silsilah Melayu dan Bugis*, *Cerpen Zaman Jepun* dan *Pribumi Sabah* mirip akademik sifatnya. Bagaimanapun semua buku itu merangkumi lapangan-lapangan yang menjadi minat hidupnya, iaitu sejarah, sastera tradisi dan sastera moden serta kebudayaan.

Beliau tidak pernah menerima latihan akademik, tetapi secara naluri melalui bacaan serta pergaulan yang luas, beliau cuba menerangkan sikap-sikap yang 'akademik' dalam tulisan-tulisannya. Banyak bukunya dipenuhi dengan catatan kaki yang panjang dan pelbagai, juga catatan dan lampiran yang mempamerkan pengetahuan serta minatnya terhadap data yang luas, banyak daripadanya di luar keperluan. Di sana sini diselitnya juga renungan atau sikap peribadinya terhadap sesuatu masalah. Banyak juga tulisan-tulisannya itu dilakukan dalam keadaan ketergesa-gesa, bahan-bahan serta susunan tidak dapat dilakukan dengan sempurna, sehingga tulisan-tulisannya diterbitkan *tanpa tatacara yang rapi*. Akhirnya beberapa bukunya itu menjadi *compendium* atau kumpulan data yang bercampur-baur.

Dalam *Bentuk Sastera* umpamanya, istilah-istilah, biografi pengarang, karya-karya dunia dicatatkan tanpa banyak pertimbangan, bersama-sama dengan gejala-gejala sastera Melayu, hingga terkesan kepada pembaca bahawa semuanya disedut dari senarai panjang buku-buku yang terdapat pada bibliografi. Dalam *Perkembangan Kesusasteraan Melayu* yang bertujuan untuk mencatatkan sejarah sastera dari zaman kuno hingga 1942, terdapat bab yang panjang tentang asal usul bahasa, tentang keluarga-keluarga bahasa dunia, tentang bahasa Melayu kuno, ditambah dengan perbandingan bahasa-bahasa Melayu-Polinesia. Dalam *Asas Pengeta-*



*huan Puisi*, kebanyakan peristilahan dipindahkan dari tradisi Barat, dan semua ini cuba diterapkannya kepada sastera Melayu secara paksaan, seperti memberi contoh dari sastera Melayu untuk bentuk, corak, aliran, gaya, malah irama (metrum) yang ada pada bahasa puisi barat.

Memang semuanya ini nampak aneh pada zaman kita, tetapi pada pertengahan dekad 60-an, hal seperti itu menarik perhatian, kerana gersangnya bahan-bahan dalam bahasa Melayu di Malaysia. Arena Wati dalam keghairahannya, dengan penuh keyakinan memaparkan data-data bagi mengisi keperluan pendidikan masyarakatnya. Yang penting dari proses ini ialah pendedahan Arena Wati serta golongan kreatif Melayu yang masih agak tertutup kepada struktur serta penilaian sastera di luar dunianya yang agak eka-bahasa itu.

Bagi Arena Wati keterpukauannya terhadap kebudayaan dunia dan kebudayaan di dunia Melayunya sendiri seolah-olah tiada hujungnya, dan beliau selalu berusaha menyebarkan keghairahannya kepada masyarakat yang lebih luas. Dalam *Rampai-rampai Melayu Lama*, *Bunga Rampai Dongeng Melayu*, *Harith Fadhilah* dan *Silsilah Melayu dan Bugis* beliau memaparkan kekayaan tradisi daripada bahasa Melayu serta bahasa-bahasa rumpun Melayu. Dan wadah intelektual yang merangkumi ini semua ialah buku teks sekolah tulisannya, *Sejarah Tanah Melayu dan Sekitarnya* terutama bab terakhir mengenai konsep 'Melayu Raya' yang memberikan petanda yang baik akan asas keyakinannya.

Bagaimanapun buku-buku teks sekolah bukanlah kayu ukur yang baik untuk menilai daya intelektual Arena Wati. Tiga buku umum yang diterbitkan mempunyai sifat-sifat 'akademik', walaupun tujuan utamanya untuk mengisi keperluan sekolah. Buku-buku itu ialah *Silsilah Melayu dan Bugis* (1973), *Cerpen Zaman Jepun* (1968) dan *Pribumi Sabah* (1978).

*Silsilah Melayu dan Bugis* merupakan penyalinan semula ke dalam huruf rumi teks jawi karya Raja Ali Haji yang dicetak di Johor pada tahun 1956. Teks yang diterbitkan oleh Arena Wati ini tidak betul-betul mengikut teks asalnya. Semua rangkap syair pada teks asal ditinggalkan, "ini kerana apa yang terakam pada syair, sedia tercatat pada nathar". Terdapat pengantar, anotasi serta juga glosari dalam penerbitan ini, – dan semua ini dilakukan dengan penuh keghairahan. Memang dunia Bugis itu amat rapat kepada beliau, dan teks Raja Ali memberikan kepadanya kesempatan yang



luas untuk beliau memperlihatkan pengetahuannya tentang sejarah, bahasa dan budaya Bugis-Makassar. Dengan itu pelbagai catatan yang dipaparkannya dalam pengantar dan glosari cukup berharga. Ini sumbangan Arenan Wati yang penting terhadap kajian filologi naskah Melayu lama, walaupun harus dicatatkan yang sumbangan itu bukanlah tanpa beberapa kekurangan, terutama dari segi cara dan kepadatan persembahan.

Buku kajian Arenan Wati yang terbaik ialah *Cerpen Zaman Jepun* yang memuatkan teks cerpen dari zaman itu di Semenanjung bersama dengan kata pengantar yang merangkumi analisis yang panjang, dan lampiran-lampiran yang sangat berguna. Walaupun teks cerpen yang dipapar sepenuhnya hanya 14 buah, dan ini ditambah pula dengan ikhtisar isi 11 cerpen yang lain, namun data yang dikemukakan belum lagi lengkap, tetapi hasilnya adalah satu-satunya sorotan yang berwibawa terhadap zaman itu, kerana dipenuhi dengan maklumat serta catatan daripada sumber pertama yang sebelum ini belum pernah dikemukakan. Terasa ada keghairahan yang mendalam apabila Arenan Wati membuat kajian ini, data-data yang dikumpulkannya tentang tokoh-tokoh, peristiwa-peristiwa serta sikap-sikap politik dan kebudayaan amatlah menarik dan penting. Memang analisis yang dilakukannya tidak begitu memuaskan, tetapi hal ini bukanlah begitu penting kerana pembaca sendiri patut mentafsirkan bahan-bahan yang ada disediakan. Daftar bibliografi dalam buku ini juga sangat baik, walaupun kita tidak diberitahu akan kedudukan sumber kajian yang sebenar. Melalui kajian ini, Arenan Wati memperlihatkan kemampuannya untuk mencatat serta menganalisis gejala kebudayaan apabila dibandingkan dengan rakan-rakan segenerasi dan segolongan, minat serta kebolehannya adalah luar biasa.

Dalam tahun 1978, Arenan menerbitkan buku kajian *Pribumi Sabah*, satu tinjauan terhadap suku bangsa Kadazan/Dusun dalam konteks kepercayaan, kultus dan hukum adat di Sabah. Ini dimaksudkan sebagai 'bacaan popular'. Sebahagian daripadanya data-data disedut daripada penerbitan yang sedia ada, tetapi sebahagian besar data yang lain dikutipnya sendiri. Usaha ini jelas memakan banyak masa dan memerlukan ketekunan serta kesabaran yang luar biasa. Arenan Wati bertindak sebagai seorang pengumpul data kemasyarakatan yang gigih, hanya yang menghalangnya ialah keahlian untuk memilih dan menganalisis bahan-bahan. Walaupun begitu apa yang dapat dicatat dan disusunnya cukuplah menarik



dan bermanfaat. Buku ini merangkumi satu senarai istilah yang amat panjang tentang adat resam, hukum dan agama suku bangsa pribumi Sabah, dan istilah-istilah itu diberi penjelasan yang panjang dan jelas, sekurang-kurangnya bagi pembaca umum. Akan tetapi bagi seorang ahli etnologi dan antropologi pun kumpulan bahan mentah ini berguna. Dari bukunya ini Arena Wati jelas mempunyai pengamatan yang sensitif dan rapi terhadap gejala-gejala sosial, dan ini tentu mengayakan dirinya<sup>1</sup> sebagai seorang seniman.

Demikianlah buku-buku umum Arena Wati, baik buku teks sekolah, maupun kajian yang mirip ilmiah sifatnya, kita melihat beliau sebagai pengarang yang amat sensitif terhadap gejala-gejala sejarah dan kebudayaan di sekitarnya. Bagaimanapun, yang menarik daripada semua ini, bukanlah Arena Wati sebagai seorang yang cuba mengarang buku pendidikan yang mirip ilmiah, tetapi Arena Wati sebagai seniman kreatif.

Arena Wati, dengan cara-caranya tersendiri, telah cuba mendahului rakan-rakan penulisnya dalam meninggalkan dunia fantasi hikayat yang sederhana untuk menghadapi dunia yang mementingkan fakta, data dan daya intelektual yang sedang menguasai keadaan. Hanya dalam menyesuaikan diri dengan keadaan baru itu, Arena Wati terpuakau dan kadangkala terhanyut dengan data-data. Akan tetapi ini bukanlah sesuatu yang negatif, kerana dunianya yang asasi adalah dunianya yang kreatif. Dari segi itu keghairahannya terhadap gejala-gejala sejarah dan budaya adalah ciri yang khas dalam keperibadiannya, dan hakikat ini mengangkatnya lebih tinggi daripada beberapa orang rakannya yang lain.



## PENUTUP

SEJAK kira-kira tiga puluh tahun yang lalu, Arena Wati terus memberikan sumbangan dalam sastera Melayu. Sumbangannya berupa karya kreatif dan non-kreatif, dan kedua-dua bidang tersebut meninggalkan kesan dan perkembangan yang tertentu pula. Kesan daripada tulisan-tulisan non-kreatifnya, yang agak ilmiah sifatnya, menggambarkan bahawa kekuatannya yang sebenar ialah dalam bidang kreatif, terutamanya cerpen dan novel.

Dalam bidang kreatif, Arena Wati memperlihatkan suatu perkembangan yang menarik. Pada peringkat awal penulisan, beliau muncul lebih sebagai seorang tukang cerita, hasil daripada bakat alamnya yang agak luar biasa. Lama-kelamaan, bakat alam tersebut mengalami pergantian bentuk menjadi bakat keseniman yang mementingkan kerapian pengolahan dan nilai keindahan. Kejayaan ini disertai dengan wawasannya yang segar untuk membuka horison persoalan dalam sastera Melayu sehingga beliau menemukan semacam 'perbatasan baru' dengan membawa watak-watak Melayu ke dunia antarabangsa, dan membicarakan persoalan-persoalan antarabangsa, terutamanya seperti yang terungkap dalam triloginya.

Arena Wati adalah salah seorang pengarang kita yang bersikap terbuka dan sentiasa mahu memperluaskan pengalaman dan pengetahuannya. Sikap inilah barangkali yang mendorong beliau untuk menggarap persoalan-persoalan antarabangsa yang besar lagi rumit dalam triloginya. "Manusia dan negara manapun, bagi sastera adalah satu", ujarnya ketika memperkenalkan triloginya kepada para wartawan dan peminat sastera, di Sudut Penulis DBP pada 5 Februari 1988.

Pendapat tersebut merupakan renungannya yang mendalam



terhadap hubungan manusia antarabangsa. Akan tetapi, lebih daripada renungan yang bererti itu, Arena Wati juga mempunyai pendapat dan sikapnya yang tertentu terhadap sastera dan jiwa manusia. Dalam pertemuan memperkenalkan triloginya itu, beliau mengucapkan dengan tegas bahawa:

“... hanya sastera yang membina singgahsana dalam lubuk yang paling dalamnya hati nurani manusia. Pada takhta yang didirikan dalam hati nurani manusia itulah, kesusasteraan bertitah, yang senandungnya tidak pernah dan tidak akan luput oleh segala pertukaran zaman. Kesusasteraanlah yang membentangkan jambatan yang tak terjangkau panjangnya, jambatan yang tak terlihat halusnyanya, untuk dilalui oleh pengertian hakiki insaniah untuk saling merasakan dan saling memahami, ke arah suatu ketenangan yang mutlak; kemanusiaan semua zaman di semua benua bumi, berganding bahu kepada titik akhir hayat masing-masing; ketenangan abadi, nikmat tak terungkap lidah. Itulah kurnia Tuhan yang dinamakan *mutma'innah*.”





## LAMPIRAN





## **BIODATA ARENA WATI**

- 1925 Lahir di Kalumpang, Jeneponto, Makasr, Indonesia, pada 30 Julai.
- 1932 – 1937 Sekolah Voor Volksschool di Kalumpang – tidak dapat meneruskan pelajaran ke Sekolah Menengah kerana latar belakang keluarga dicurigai oleh pemerintah Belanda.
- 1940 – 1941 Belajar di Holland Inlandersche School (H.I.S. atau Sekolah Belanda untuk Inlanders) – tidak tamat kerana pecah perang.
- 1942 Belayar ke Jawa dengan harapan mahu bersekolah di sana tetapi hampa kerana Jawa diduduki oleh Jepun.  
– Dari saat itu mula menjadi pelaut dengan dilantik sebagai kerani di Sekuner Sorga Bone.
- 1943 Menjadi nakhoda tidak rasmi
- 1945 Ditangkap oleh Kempetai Jepun dan dengan bantuan sekumpulan Orang Laut, berjaya melepaskan diri ke Singapura.
- 1946 Mula tinggal di Singapura.
- 1947 – 1948 Masih sebagai pelaut dan destinasi pelabuhan ialah Bangkok, Rangoon, Sumatera dan Jawa.
- 1949 Meninggalkan Singapura kerana tidak mahu ditangkap oleh Inggeris tetapi masih meneruskan tugas sebagai pelaut. Di hati mula berputik hasrat untuk berhenti belayar.
- 1950 Pulang ke pangkuan keluarga di Makassar.



- 1951 Kembali menyambung pelajaran di Sekolah Menengah Islam di Makassar.
- 1952 Sekolah Menengah Pertama di Makassar.
- 1953 Sekolah Menengah Ayas
- 1954 Bekerja dengan Djawatan Angkatan Darat Terroterium VII sebagai penolong Ketua Perancang Harian.
- Mei 1954 Berkahwin dengan Halimah Sulong, guru yang berasal dari Pontian, Johor.
- Jun 1954 Datang ke Pontian dengan hasrat mahu menetap di Tanah Melayu.
- Oktober 1954 Bekerja di Royal Press, Singapura sebagai Sidang Pengarang majalah *Hiburan*, *Hiburan Filem* dan *Kisah*.  
– Mula berkenalan dengan alam penulisan dan kesusasteraan.
- 1955 Sidang pengarang sambilan kepada majalah *Mutiara*, *Fashion*, *Belia* dan *Dunia*.
- 1957 Berhenti bekerja dengan Royal Press dan berkhidmat pula dengan Penerbitan Melayu Limited di Johor Bahru sebagai Penolong Pengurus sehingga tahun 1961.
- 1959 Menghasilkan novel pertama yang berjudul *Kisah 3 Pelayaran* terbitan Harmy Press, Singapura.
- 1960 Buku kedua, sebuah kumpulan cerpen, *Tingkah Manusia*, juga terbitan Harmy Press.
- 1961 – 1962 Bertugas sebagai Ketua Percetakan Light Press di Brunei.
- 1961 Novel kedua, *Jalan Malam ke Ibu Kota*, terbitan Pustaka Cahaya, Brunei.
- 1962 – 1974 Pengarang di Pustaka Antara, Kuala Lumpur.
- 1962 Memenangi hadiah sagu hati peraduan Mengarang Novel anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka dengan novel yang berjudul “Tumbangnya Pokok Tak Berlangit” yang kemudian bila diterbitkan diubah nama kepada *Lingkar* (1965).



- 1963 Novel *Gelora* diterbitkan oleh pustaka Antara.
- 1964 Menghasilkan tiga buah buku bacaan Sastera, *Bunga Rampai Dongeng Melayu*, *Perkembangan Kesusasteraan Melayu* dan *Rampai-rampai Melayu Lama*.
- 1965 Dua lagi buku bacaan Sastera dihasilkan; *Asas Pengetahuan Puisi* dan *Bentuk Sastera*.
- 1967 Menghasilkan dua buah kumpulan cerpen, *Johor Baru* dan *Burung Badai*.
- 1968 Mendapat tempat ketiga dalam Peraduan Mengarang Novel Sepuluh Tahun Merdeka dengan novel *Sandera* (terbit dalam tahun 1971).  
– Terbit bukunya, *Cerpen Zaman Jepun: Satu Kajian*.
- 1969 Novel *Gandaria* diterbitkan.
- 1971 Memenangi Hadiah Karya Sastera dengan cerpennya, “Wisata”.
- 1972 Dua buah cerpennya, “Bukan Satu Jalan ke Mekah” dan “Alun Menggulung Perlahan” memenangi Hadiah Karya Sastera.
- 1974 Mula bertugas dengan Yayasan Sabah sebagai Pegawai Penyelidik.
- 1977 Mengetuai Bahagian Perancangan dan Penyelidikan di Yayasan tersebut.
- 1980 Menerbitkan tiga buah novel “Sabah”; *Eno*, *Rontok* dan *Royan*.
- Ogos 1983 –  
Januari 1984 Fellow di Universiti Cornell, Amerika Syarikat.
- Februari –  
Jun 1984 Fellow di Universiti Leiden, Holland.
- Julai 1984 –  
Januari 1985 Fellow di Universiti Kyoto, Jepun dan tamu di Universiti Waseda, Tokyo.
- 1985 Menerima S.E.A Write Award di Bangkok.
- Februari 1986 Tamat perkhidmatan dengan Yayasan Sabah.
- Mac 1986 –



- April 1988 Karyawan Tamu di Fakulti Sains Pembangunan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.
- 1987 Trilogi novel, *Bunga Dari Kuburan*, *Kuntum Tulip  
Biru* dan *Sakura Mengorak Kelopak* diterbitkan  
oleh Dewan Bahasa dan pustaka.
- 1988 Menerima Anugerah Sastera Negara.
- Mulai Mei 1988 Karyawan Tamu di Institut Bahasa, Kebudaya-  
an dan Kesusasteraan Melayu, Universiti  
Kebangsaan Malaysia.



## SENARAI KARYA

### A. BUKU NOVEL

1. *Kisah 3 Pelayaran*, Singapura : HARMY Press, 1959.
2. *Jalan Malam ke Ibu Kota*, Brunei: Pustaka Cahaya, 1961.
3. *Gelora*, Kuala Lumpur : Penerbitan Pustaka Antara, 1963.
4. *Lingkar*, Kuala Lumpur : Penerbitan Pustaka Antara, 1965.
5. *Gandaria*, Kuala Lumpur : Penerbitan Pustaka Antara, 1969.
6. *Sandera*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1971.
7. *Eno*, Kuala Lumpur : Penerbitan Pustaka Antara, 1980.
8. *Rontok*, Kuala Lumpur : Teks Publishing Sdn., Bhd., 1980.
9. *Royan*, Kuala Lumpur : Teks Publishing Sdn. Bhd., 1980.
10. *Bunga Dari Kuburan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987.
11. *Kuntum Tulip Biru*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987.
12. *Sakura Mengorak Kelopak*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987.



## KUMPULAN CERPEN

1. *Tingkah Manusia*. Singapura : HARMY Press, 1960.
2. *Burung Badai*, Kuala Lumpur : Penerbitan Pustaka Antara, 1967.
3. *Johor Baru*, Kuala Lumpur : Penerbitan Pustaka Antara, 1967.
4. *Bara Batu*, Kuala Lumpur : Penerbitan Pustaka Antara, 1984.

## KAJIAN SASTERA

1. *Bunga Rampai Dongeng Melayu* (Peny. bersama Ehsan Kastawi), Kuala Lumpur : Penerbitan Pustaka Antara 1954.
2. *Perkembangan Kesusasteraan Melayu*, Kuala Lumpur : Penerbitan Pustaka Antara, 1964.
3. *Rampai-rampai Melayu Lama* (Pny.), Kuala Lumpur : Penerbitan Pustaka Antara, 1964.
4. *Asas Pengetahuan Puisi*, Kuala Lumpur : Penerbitan Pustaka Antara, 1965.
5. *Bentuk Sastera*, Kuala Lumpur : Penerbitan Pustaka Antara, 1965.
6. *Cerpen Zaman Jepun : Satu Kaian*, Kuala Lumpur : Penerbitan Pustaka Antara, 1968.

## UMUM

1. *Sejarah Tanah Melayu dan Sekitarnya* (bersama Wan Shamsuddin), Kuala Lumpur : Penerbitan Pustaka Antara, 1964.
2. *Harith Fadhilah*, Kuala Lumpur : Penerbitan Pustaka Antara, 1967.
3. *Silsilah Melayu dan Bugis*, Kuala Lumpur : Penerbitan Pustaka Antara, 1973.
4. *Dusun : Satu Tinjauan dalam Kontek Kepercayaan, Kultus dan Hukum Adat di Sabah*, Kota Kinabalu : Yayasan Sabah, 1978.





## B. ECERAN CERPEN

1. "Impian dan Kenyataan", *Pedoman Rakyat*, 1952
2. "Aku dan Rumahku", *Hiburan*, 25 Disember 1954, hlm 19 – 20.
3. "Lily Memang Anakku", *Hiburan*, 1 Januari 1955, hlm 19, 20, 23.
4. "Antara Serban – Duit Kopi", *Hiburan*, 15 Januari 1955, hlm 20 – 21.
5. "Cintanya Ditiup Tofan", *Hiburan*, 26 Februari 1955, hlm 22.
6. "Kisah Aku Berempat", *Hiburan*, 26 Mac 1955, hlm 21 – 22.
7. "Juraganku Disumpah Hantu Laut", *Hiburan*, 10 September 1955, hlm 24 – 25; *Hiburan* 17 September 1955, hlm 23 – 25.
8. "Laporan Dari Telefon", *Hiburan*, 7 Januari 1956, hlm 21 – 23.
9. "Gagal", *Hiburan*, 24 Mac 1956, hlm 12, 22 – 25.
10. "Cerita Semalam", *Hiburan*, 31 Mac 1956, hlm 21 – 22, 25.
11. "Hantu Pokok Getah", *Mutiara*, April 1956, hlm 30 – 33.
12. "Asmara Dalam Mengelamun", *Asmara*, Ogos 1956, hlm 4 – 7.
13. "Irama Maut", *Hiburan*, 18 Ogos 1956, hlm 17 – 20.
14. "Kali Ini Isteriku Mogok", *Hiburan*, 15 September 1956, hlm 19 – 21.
15. "Tiga Ringgit Yang Terakhir", *Fashion*, Mei 1957, hlm 6 – 7, 14.
16. "Penyair", *Hiburan*, 10 Ogos 1957, hlm 12 – 15.
17. "Hadi Guru Sejarah", *Hiburan*, 17 Ogos 1957, hlm 9 – 10, 34.
18. "Merdeka' Bong!!!", *Hiburan*, 31 Ogos 1957, hlm 9.
19. "Guru Cantik", *Hiburan*, 28 September 1957, hlm 10 – 12



20. “Kenang-kenangan”, *Mastika*, Ogos 1960, hlm 34 – 41.
21. “Muzik Nomaden”, *Berita Minggu*, 15 Januari 1961.
22. “Dunia Pelaut”, *Berita Minggu*, 25 Mac 1961.
23. “Tujuh Hari Sekali”, *Utusan Zaman*, 16 April 1961.
24. “Laporan Dari Hayat”, *Berita Minggu*, 14 Mei 1961.
25. “Johor Baru”, *Utusan Zaman* 28 Mei 1961.
26. “Cikgu Rukiah”, *Mastika*, Julai 1961, hlm 32 – 33, 43 – 44.
27. “Badol Dah Mati”, *Berita Minggu*, 13 Ogos 1961.
28. “Dunia Milik Kami”, *Berita Minggu* 19 November 1961.
29. “Kedatangan Penghuni Baru”, *Berita Minggu*, 21 Januari 1962.
30. “Langit Biru di Woodland”, *Mastika*, September 1962, hlm 31 – 38.
31. “Atan Belum Kahwin”, *Berita Minggu*, 28 Oktober 1962.
32. “Adikku Yang Jarang Rambutnya”, *Mastika*, Januari 1963, hlm 43 – 48.
33. “Malaya Street”, *Gema Dunia*, No. 9, 1962, hlm 35 – 42.
34. “Keluarga Wak Daeng”, *Berita Minggu*, 20 Januari 1963.
35. “Antara Syurga dan Dosa-dosanya”. *Mastika*, Mac 1963, hlm 35 – 39, 50.
36. “Ana”, *Utusan Zaman*, 30 Jun 1963.
37. “Seruling Dari Mekong”, *Angkatan Baru*, Oktober 1963.
38. “Anak-anakku dan Ave Maria”, *Utusan Zaman*, 3 November 1963.
39. “Dunia yang Kutinggalkan”, *Dewan Masyarakat*, Julai 1964, hlm 44 – 49.
40. “Socius Documentum”, *Medan Sastera*, September 1964, hlm 49 – 55.
41. “Syonan To 2640”, *Berita Minggu*, 20 Disember 1964.
42. “Muara Sebatang Lorong”, *10 Cerpen Masyarakat*, No. 3, 1964.
43. “Suaminya Jadi Orang Terkenal”, *Angkatan Baru*, Ja-



- nuari 1965, hlm 36 – 41.
44. “Burung Badai Zamanku”, *Dewan Masyarakat*, Januari 1965 hlm 55 – 59.
  45. “Jalan Tunggal”, *Utusan Zaman*, 24 Januari 1965.
  46. “Harga”, *Mastika*, Ogos 1965, hlm 45 – 50.
  47. “Jawapan”, *Medan Sastera*, September 1965, hlm 265 – 269.
  48. “Dialog”, *Utusan Zaman*, 31 Oktober 1965.
  49. “Tangisnya Cuma Sayang peluru”, *Dewan Bahasa*, Oktober 1969, hlm 467 – 478.
  50. “Hukuman”, *Utusan Zaman*, 29 Mac 1970.
  51. “Pemburu Tua”, *Berita Minggu*, 19 April 1970.
  52. “Bawal Tambak”, *Mastika*, Mei 1970, hlm 34 – 40.
  53. “Wanita Tekidanto”, *Wanita*, Mei 1970.
  54. “Penjara Tanpa Dinding”, *Mingguan Malaysia*, 5 Julai 1970.
  55. “Ada Apa di Sana?”, *Dewan Masyarakat*, November 1970, hlm 56 – 59.
  56. “Maka Pergilah Si Anak pulang”, *Pedoman Rakyat*, April 1971.
  57. “Wisata”, *Dewan Bahasa*, April 1971, hlm 172 – 182.
  58. “Cerita Sebuah Rumah”, *Mingguan Malaysia*, 16 Mei 1971.
  59. “Rantai Berdaun”, *Berita Minggu*, 14 Mei 1972.
  60. “Ombak Samudera Nisannya”, *Dian*, Julai 1972, hlm 117 – 130.
  61. “Alun Menggulung Perlahan”, *Mastika*, Julai 1972, hlm 47 – 58.
  62. “Janakota”, *Utusan Zaman*, 24 September 1972.
  63. “Rakit Baru Badan Tua”, *Dewan Sastera*, September 1972, hlm 18 – 24.
  64. “Bukan Satu Jalan Ke Mekah”, *Mingguan Malaysia*, 3 September 1972.
  65. “Jaga Muka 2”, *Berita-Minggu*, 1 Oktober 1972.



66. "Semalam di Kota Dewi Kayangan", *Berita Minggu*, 30 September 1973.
67. "Di Sini Saja", *Mastika*, Oktober 1973, hlm 135 – 143.
68. "Dunia Mopi", *Berita Minggu*, 15 Disember 1974.
69. "Pesta", *Mingguan Malaysia*, 15 Disember 1974.
70. "Bangun Bersama Fajar", *Utusan Zaman*, 5 Januari 1975.
71. "Mesra di ,Bawah Bendera", *Berita Minggu*, 19 Januari 1975.
72. "Serumpun Markisa", *Dewan Masyarakat*, Februari 1975, hlm 66 – 59.
73. "Bobohizan". *Dewan Sastera*, Mei 1975, hlm 51 – 54.
74. "Ia Gore", *Dewan Masyarakat*, Julai 1975, hlm 57 – 60.
75. "Kenapa di Sini", *Dewan Masyarakat*, Januari 1979, hlm 52 – 58.

## PUISI

1. (Tanpa Tajuk), *Hiburan*, 14 Ogos 1954, hlm 9.
2. "Aku Melangkah", *Hiburan*, 20 November 1954, hlm 12.
3. "Mari Berlari", *Hiburan*, 11 Disember 1954, hlm 8.
4. "Perhitungan", *Hiburan*, 12 Mac 1955, hlm 10.
5. "Tindakan Berbagi", *Hiburan*, 28 Mei 1955, hlm 11.
6. "Angin Mati Ombak Mati", *Utusan Zaman*, 15 Mei 1960.
7. "Kelahiran", *Utusan Zaman*, 17 Julai 1960.
8. "Dunia Pelaut", *Berita Minggu*, 23 Mac 1961.
9. "Kepada Puteraku Yang Kan Lahir", *Dewan Bahasa*, Januari 1967. hlm 46.
10. "Tenang-tenanglah", *Daily Express*, 8 Mac 1975.
11. "Ingatan", *Daily Express*, 5 April 1975.
12. "Kutunggu Lagi", *Hiburan 10 Tahun (1946 – 1956)*, hlm 45.



## ESEI/KRITIK

1. “Bahasa Melayu dari Nafas ke Nafas”, *Hiburan*, 1955, 15 Januari, hlm 7 – 8 ; 22 Januari: hlm 9 – 10; 29 Januari, hlm 7 – 8; 5 Februari, hlm 7 – 8.
2. “Iqbal dengan Pustakanya”, *Hiburan*, Mac 1955, hlm 6.
3. “Siapa Pembunuh Bakat?”, *Hiburan*, Disember 1956, hlm 25 – 26, 37.
4. “Peranan Prosa dalam Bahasa Melayu dan Kemungkinannya Masa Akan Datang”, *Dewan Bahasa*, Julai 1960, hlm 358 – 373.
5. “Bahasa Melayu di Seluruh Daerah”, *Dewan Bahasa*, Disember 1960, hlm 581 – 601.
6. “Ribut pagi : Suatu Kejayaan yang Menggembirakan Dunia Drama Kita”, *Utusan Zaman*, 7 Mei 1961.
7. “Keraguan Tentang Karya Masuri”, *Berita Minggu*, 3 Januari 1962.
8. “*Salah Asuhan dan Pengarangnya*”, *Dewan Bahasa*, Jun 1966, hlm 245 – 251.
9. “*Salah Asuhan dan Perwatakannya*”, *Dewan Bahasa*, Julai 1966, hlm 297 – 310.
10. “*Salah Asuhan dan Ceritanya*”, *Dewan Bahasa*, Ogos 1966, hlm 361 – 368.
11. “Temasya Tinta : Peneropongan Tepat Terhadap Dunia Wartawan”, *Berita Minggu*, 4 Jun 1967
12. “Sandera”, *Dewan Sastera*, Mac 1971, hlm 4 – 6, 8 – 11.
13. “Villa 2 Menunggu Seniman-Seniman dari Malaysia”, *Berita Minggu*, 30 Mei 1971.
14. “Interior Monologue”, *Dewan Sastera*, Julai 1972, hlm 15 – 19.
15. “Bagaimana Menulis Novel”, *Utusan Zaman*, 16 September 1973.
16. “Pengalaman Saya Menulis Novel”, *Utusan Zaman*, 23 September 1973.
17. “Belajar Menulis Novel : Cara Mengikat Hati Pembaca”, *Utusan Zaman*, 30 September 1973.



18. “Selamat Jalan Adi Mas : Novelis Konplot yang Dikenangi”, *Mastika*, November 1973, hlm 132 – 137.
19. “Sanderi dari Sudut Latar Belakang Sosial, Perwatakan dan Jalan Cerita”, *Dewan Sastera*, Mei 1977, hlm 48 – 50; Jun 1977, hlm 48 – 50; Julai 1977, hlm 48 – 49.
20. “Sanderi: Perwatakan”, *Dewan Sastera*, Ogos 1977, hlm 55 – 57.
21. “Ekspresi Watak dalam Cerpen”, *Dewan Sastera*, Oktober 1977, hlm 28 – 33.
22. “Pertembungan Dua Nilai”, *Dewan Sastera*, November 1985, hlm 59 – 65.
23. “Sastera akan Ikat Kita dengan Tali Kasih”, *Berita Harian* 7 November 1985.

#### **KERTAS KERJA**

1. “Peranan Pelayaran dalam Perkembangan Kebudayaan Melayu”, ceramah di *Kongres Kebudayaan Melayu*, di Melaka pada 30 Disember 1957 – 2 Januari 1958.
2. “Prosa dalam Kesusasteraan Melayu Moden di Malaysia”: ceramah sempena *Pameran Buku-buku Terbitan Malaysia* di Jakarta pada 10 Jun 1970.
3. Masalah Pengarang Novel di Malaysia dari Segi Sosial dan Penulisan”, dibentangkan pada *Pertemuan Penulis-penulis Novel Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 8 – 9 April 1977.
4. “Novel-novel Malaysia Mutakhir”, dibacakan pada *Pertemuan Sasterawan Nusantara V*, Makasar, 22 – 25 November 1986.

#### **TULISAN-TULISAN TENTANG ARENA WATI**

1. (Tanpa Nama Penulis), “Penghargaan – Kepada Arena Wati”, *Hiburan*, Januari 1955, hlm 8.
2. Yahaya Ismail, “Lingkaran Arena Wati”, *Berita Minggu*, 11 April 1965.
3. A. Teeuw, “Lingkaran – Jangkauan ke Darjat Antarabangsa”, *Berita Minggu*, 12 Disember 1965.



4. —————, “Kesan-kesan seorang Luar II : *Lingkaran* karangan Arena Wati”, *Dewan Bahasa*, Disember 1965, hlm 545 – 556.
5. Azhar Akhmal, “Arena Wati Masih Berkemampuan”, *Utusan Zaman*, 31 Oktober 1971.
6. Ahmad Boestamam, “*Sandera*, Arena Wati”, *Dewan Sastera*, November 1971, hlm 64 – 67.
7. Zakry Abadi, “Arena Wati Kini Belayar di Air Lain”, *Mastika*, Mac 1972, hlm 106 – 114.
8. Samad Ismail, “He’d Hard Going But Don’t Give Up”, *New Straits Times*, 6 Mei 1972.
9. Zahari Affandi, “Arena Wati Sasterawan Berbintang Leo”, *Mingguan Malaysia*, 12 November 1972.
10. Abu Zaki Fadzil, “Arena Wati Teroka Jalan Yang Jarang Dijelajahi oleh Penulis-penulis”, *Berita Minggu*, 7 Januari 1973.
11. “Arena Wati Novel to be Filmed by Perfima”, *STAR 2* Mac 1973.
12. “A Happy Moment for Story Writer Arena Wati”, *Malay Mail*, 2 April 1973.
13. “Melahirkan Bayi Lebih Mudah, Kata Arena Wati”, *Berita Harian*, 18 September 1973.
14. Norlina Jamli, “Manusia Penyair”, *Utusan Zaman*, 14 Oktober 1973.
15. “Arena Wati ke Pesta ‘Bahasa’ di Pontian”, *Utusan Malaysia*, 6 November 1973.
16. Juma’noh Abd. Bunga, “Penulis Arena dengan Sikapnya”, *Mingguan-Malaysia*, 16 Disember 1973.
17. A. Rahman Yusof, “Cerpen-cerpen Arena Wati dalam Johor Baru”, *Dewan Sastera*, Februari 1976, hlm 36 – 40.
18. Sahlan Mohd. Saman, Khalid Masrom dan Khambali Manot, “Ulasan Novel *Sandera*”, *Dewan Sastera*, 1977, Januari, hlm 53 – 54; Februari, hlm 51 – 53; Mac hlm 48–49; April hlm 47; Mei hlm 46 – 47; Jun, hlm 47 – 50; Julai, hlm 50 – 51; Ogos, hlm 55; September, hlm 54; Oktober, hlm 53 – 54.



19. Abdullah Hussain: “Bercuti Kerana *Royan*”, *Dewan Sastera*, Februari 1979, hlm. 24 – 29.
20. Th. Sri Rahaju Prihatmi, “Manusia dengan *Royan-royannya*”, *Dewan Sastera*, Januari 1982. hlm 27 – 30.
21. A.F. Yassin, “Mesti Sanggup Menggagas Kalau Mahu Jadi Bangsa Besar”, (wawancara), *Dewan Budaya*, Februari 1983, hlm 17 – 19.
22. A. Ghani Abdullah, “Arena Wati – Anak Makassar Dilupakan Orang?”, *Harian Nasional*, 27 Mei 1984.
23. “Persatuan Penulis-penulis Pontian Alu-alukan Kejayaan Arena Wati”, *Utusan Melayu*, Januari 1985.
24. Baptist L.D., “S.E.A. Write Award for Arena Wati”, *Sabah Times*, 19 Oktober 1986
25. Salmiah Ismail, “Kota Raya Bangkok dan S.E.A. Write Award Menemukan Para Seniman ASEAN”, (wawancara), *Dewan Sastera*, November 1985, hlm 54 – 58.







ISBN 983-62-0340-0

کتابتیں اور قلم کارانہ

